

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI KEDAH SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI KEDAH
SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN Pengurusan Perumahan Kuota Melayu
16	JABATAN KERJA RAYA JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
36	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH KLPK Ventures Sdn. Bhd.
	BAHAGIAN II PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
55	Pendahuluan
55	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
56	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
57	Objektif Pengauditan
58	Skop Dan Metodologi Pengauditan
58	Kawalan Utama
69	Penemuan Audit
76	Pemeriksaan Audit Mengejut
79	Syor Audit
83	PENUTUP




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan, satu Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 16 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 12 Jabatan/Agensi Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

19 Mac 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN - Pengurusan Perumahan Kuota Melayu

1.1. Bagi menjaga kepentingan pemilikan hartanah di kalangan orang Melayu, Kerajaan Negeri Kedah telah menetapkan supaya kuota sebanyak 30% dan 50% diperuntukkan kepada orang Melayu mengikut jenis tanah. Dasar ini menetapkan supaya kuota jualan perumahan di kawasan Tanah Luar Simpanan Melayu dan Tanah Simpanan Melayu di mana pemilik tanah asalnya bukan Melayu diberi sebanyak 30% untuk orang Melayu dan 70% adalah terbuka. Manakala bagi tanah yang dimohon cabut keluar dari Tanah Simpanan Melayu ke Tanah Luar Simpanan Melayu, kuota jualan adalah sekurang-kurangnya 50% untuk orang Melayu.

1.2. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG) diberi tanggungjawab untuk memproses permohonan pembangunan tanah daripada pemaju dan menyediakan kertas cadangan penetapan kuota lot Melayu kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah untuk kelulusan. Pejabat Tanah Daerah pula bertanggungjawab di dalam proses penetapan lot tanah yang akan diperuntukkan bagi kuota Melayu. Manakala Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) bertanggungjawab mengurus permohonan pelepasan kuota Melayu oleh pemaju/ individu termasuk penyelenggaraan Akaun Amanah Unit Pengurusan dan Pemasaran Lot Melayu. Selain daripada PTG dan SUK, Darulaman Aset Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dilantik bagi melaksanakan penjualan unit rumah yang telah dibuat permohonan pelepasan kuota Melayu. Sebanyak 80 permohonan projek perumahan diterima oleh PTG bagi tahun 2012 hingga 2014 melibatkan pembinaan 6,554 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, 2,172 unit rumah telah diperuntukkan bagi kuota Melayu.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati walaupun Kerajaan Negeri ada menetapkan kuota Melayu sebanyak 30% dan 50% diperuntukkan bagi pengenaan/peruntukan sekatan kepentingan terhadap tanah-tanah kuota orang Melayu tetapi dari segi pelaksanaannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi pemilikan rumah bagi lot perumahan kuota Melayu tidak dapat diukur.
- Pembinaan dan agihan rumah lot Melayu tidak mengikut kelulusan serta kedudukan rumah tidak mengikut penetapan lot asal seperti yang diluluskan.

- Ketidakteraturan kenyataan syarat sekatan kepentingan dalam hak milik kuota Melayu boleh menjejaskan kepentingan tanah tersebut.
- Syarat pelepasan (pembatalan) kuota Melayu tidak dipatuhi.

1.4. Bagi memastikan pengurusan perumahan kuota Melayu dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan, adalah disyorkan supaya Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG) dan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:

1.4.1. Pihak PTG atau unit khas yang ditubuhkan perlu mewujudkan daftar utama yang lengkap merangkumi maklumat pendaftaran, jualan dan pelepasan unit kuota Melayu bagi setiap projek perumahan swasta yang dibangunkan bagi membolehkan prestasi pemilikan kuota Melayu mengikut projek dapat diukur.

1.4.2. Pihak Kerajaan Negeri perlu menetapkan peraturan tertentu bagi membolehkan tindakan undang-undang atau penalti dikenakan terhadap pemaju yang tidak mematuhi syarat-syarat penetapan kuota, penjualan dan pelepasan kuota Melayu.

2. JABATAN KERJA RAYA

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

- Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri

2.1. Mengikut Bahagian 2 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam dan jalan-jalan lain yang boleh dilalui oleh orang ramai selain dari Jalan Persekutuan yang diwartakan di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959. Manakala penyenggaraan Jalan Negeri di bawah peruntukan yang sama bermaksud penjagaan dan pemuliharaan jalan, longkang, pembentungan dan jambatan, perabot jalan, jejambat/jejantas dan terowong yang menjadi sebahagian dari jalan itu. Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri di bawah Peruntukan Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara Jalan Negeri di negeri masing-masing. Bagi melayakkan Kerajaan Negeri menerima pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, setiap Jalan Negeri hendaklah didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia atau *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS). Pada tahun 2013 hingga 2015, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian penyenggaraan Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM549.33 juta dan telah diperakunkan di dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM466.59 juta atau 84.9% telah dibelanjakan daripada keseluruhan pemberian yang diterima bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri dalam tempoh tersebut. Jabatan/Agensi Pelaksana bagi kerja-kerja penyenggaraan Jalan Negeri terdiri dari Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah (PD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Mengikut Laporan MARRIS pada 31 Disember 2015, jumlah

panjang Jalan Negeri di Negeri Kedah yang didaftarkan adalah sebanyak 11,779.32 kilometer (km). Daripada jumlah ini, JKR bertanggungjawab menyenggara jalan sebanyak 3,356.77 km, JPS 1,289.84 km, PBT 2,447.28 km dan Pejabat Daerah 4,685.43 km.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Oktober 2015 mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja penyenggaraan Jalan Negeri adalah baik dari segi perbelanjaan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan kualiti kerja penyenggaraan yang memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Rekod penyenggaraan jalan tidak diselenggarakan dengan terperinci menyebabkan maklumat yang dilaporkan tidak dapat dijadikan asas dalam merancang kerja-kerja penyenggaraan berkala yang perlu dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
- Masih terdapat jalan dan perabot jalan yang rosak dan belum dibaiki walaupun kerja-kerja penyenggaraan berkala dan rutin telah dilaksanakan.

2.3. Pada keseluruhannya, pengurusan penyenggaraan Jalan Negeri adalah baik. Bagaimanapun sebagai langkah penambahbaikan, Jabatan/Agensi Pelaksana yang terlibat iaitu JKR, JPS dan MBAS adalah disyorkan menyelenggara rekod penyenggaraan jalan dengan kemas kini. Tindakan segera hendaklah diambil terhadap kerosakan jalan dan perabot jalan serta memastikan kerja penyenggaraan disiapkan mengikut jadual bagi mengelak kerosakan bertambah teruk dan membahayakan pengguna.

3. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

- KLPK Ventures Sdn. Bhd.

3.1. KLPK Ventures Sdn. Bhd. (Ventures) merupakan anak syarikat Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. Ventures dahulunya dikenali sebagai Sayur Perik Padang Terap Sdn. Bhd. telah diperbadankan dan didaftarkan pada 23 November 1996 dengan modal dibenarkan sejumlah RM1.00 juta dan modal berbayar sejumlah RM0.50 juta. Syarikat ini kemudiannya ditukar nama kepada KLPK Ventures Sdn. Bhd. pada September 2009. Aktiviti utama syarikat adalah mengeluarkan baja bio-organik, membekal produk pelindung hujan serta membekal tenaga pekerja untuk ladang-ladang milik Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. Pengurusan Ventures adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan serta Prosedur Operasi Standard syarikat.

3.2. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Julai sehingga Oktober 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat KLPK Ventures Sdn. Bhd. adalah memuaskan. Bagaimanapun beberapa kelemahan perlu ditambah baik adalah seperti berikut:

- Bagi tahun 2012 hingga 2014, prestasi jualan baja GBM berbanding sasaran ditetapkan adalah di antara 39.1% (RM5.45 juta) hingga 64.4% (RM7.42 juta). Prestasi penjualan produk pelindung hujan menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2012 iaitu 209.1% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun pada tahun 2013 dan 2014, prestasi merosot kepada 29.4% dan 43.1%. Aktiviti membekal tenaga kerja asing mencatatkan prestasi cemerlang iaitu 110.5% pada tahun 2012. Bagaimanapun prestasi pencapaian merosot kepada 61.5% dan 34.9% masing-masing pada tahun 2013 dan 2014.
- Prospek perniagaan Ventures adalah tertumpu pada pasaran di kalangan Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. dan syarikat yang berkaitan dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah sahaja tanpa mencari peluang perniagaan dengan pihak lain seperti Jabatan Kerajaan/Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta.

3.3. Bagi menambah baik prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat KLPK Ventures Sdn. Bhd (Ventures) pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

3.3.1. Lembaga Pengarah Syarikat perlu memantau projek yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan rapi bagi memastikan objektif dicapai dan dapat dimanfaatkan seperti yang disasarkan.

3.3.2. Pihak Pengurusan hendaklah memastikan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang disemak semula dan ditambah baik bagi menentukan aktiviti utama Ventures dapat dijalankan dengan sempurna dan menepati hala tuju syarikat. Di samping itu, Ventures perlu menyediakan prosedur operasi yang standard bagi memastikan pengurusan aktiviti dibuat dengan lebih teratur dan konsisten. Ventures hendaklah juga mengoptimumkan pengeluaran baja berdasarkan kapasiti kilang sedia ada dan memperluaskan penjualan baja kepada ladang-ladang luar bagi memberi pulangan yang berterusan kepada Ventures dan Syarikat induknya.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan 16 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah baik yang mana 6 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang, 2 Jabatan Negeri di tahap baik, 6 Jabatan/Agensi Negeri di tahap memuaskan dan 2 Jabatan Negeri di tahap kurang memuaskan. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi. Antara langkah yang perlu diambil adalah menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.



BAHAGIAN I
AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

1. PENGURUSAN PERUMAHAN KUOTA MELAYU

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pihak Berkuasa Negeri berhasrat untuk memastikan setiap isi rumah Negeri Kedah dapat memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah kerana rumah merupakan salah satu keperluan asas dalam membentuk institusi kekeluargaan. Bagi menjaga kepentingan pemilikan hartanah di kalangan orang Melayu, Kerajaan Negeri Kedah telah menetapkan supaya kuota sebanyak 30% dan 50% diperuntukkan kepada orang Melayu mengikut jenis tanah. Dasar ini menetapkan supaya kuota jualan perumahan di kawasan Tanah Luar Simpanan Melayu dan Tanah Simpanan Melayu di mana pemilik tanah asalnya bukan Melayu diberi sebanyak 30% untuk orang Melayu dan 70% adalah terbuka. Manakala bagi tanah yang dipohon cabut keluar dari Tanah Simpanan Melayu ke Tanah Luar Simpanan Melayu, kuota jualan adalah sekurang-kurangnya 50% untuk orang Melayu.

1.1.2. Dasar Perumahan Negeri Kedah Darul Aman 2014 telah dikeluarkan dengan memberi penekanan kepada perumahan mampu milik melalui mekanisme penetapan kuota dan julat harga. Pembahagian kuota lot perumahan kepada orang Melayu telah digunakan dan takrifan Melayu adalah termasuk masyarakat berketurunan Siam. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan kepada sistem perkhidmatan tersebut, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG) diberi tanggungjawab untuk memproses permohonan pembangunan tanah daripada pemaju dan menyediakan kertas cadangan penetapan kuota lot Melayu kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) untuk kelulusan. Pejabat Tanah Daerah pula bertanggungjawab di dalam proses penetapan lot tanah yang akan diperuntukkan bagi kuota Melayu. Manakala Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) bertanggungjawab mengurus permohonan pelepasan kuota Melayu oleh pemaju/individu termasuk penyelenggaraan Akaun Amanah Unit Pengurusan dan Pemasaran Lot Melayu (UPPLM). Selain daripada PTG dan SUK, Darulaman Aset Sdn. Bhd. (DASB) iaitu anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dilantik bagi melaksanakan penjualan unit rumah yang telah dibuat permohonan pelepasan kuota Melayu.

1.1.3. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 80 permohonan projek perumahan diterima oleh PTG melibatkan pembinaan 6,554 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, 2,172 unit rumah telah diperuntukkan bagi kuota Melayu mengikut peratusan kuota Melayu yang ditetapkan dan bakinya adalah kuota terbuka adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Statistik Bilangan Projek, Rumah Dan Pecahan Kuota
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Bilangan Projek	Bilangan Unit Dibina	Pecahan Kuota	
			Melayu	Terbuka*
2012	29	3,298	1,044	2,254
2013	25	1,363	516	847
2014	26	1,893	612	1,281
Jumlah	80	6,554	2,172	4,382

Sumber: Unit A, PTG

Nota: * - Anggaran berdasarkan peratusan kuota Melayu

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan perumahan bagi kuota Melayu di Negeri Kedah telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek mekanisme kawalan kuota Melayu dan proses pelepasan (pembatalan) kuota Melayu. Skop pengauditan adalah melibatkan 13 permohonan pembangunan tanah yang diterima oleh PTG, 45 fail projek perumahan yang telah memperoleh Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) di Daerah Kota Setar dan Kubang Pasu dan 34 permohonan pelepasan kuota Melayu di SUK dan DASB bagi tahun 2012 hingga 2014. Kaedah pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail dan dokumen berkaitan pengurusan kuota Melayu. Bagi tujuan pengesahan hak milik kuota Melayu, pihak Audit telah membuat pengesahan di PTG dan Pejabat Tanah Daerah serta di Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan. Temu bual dengan pegawai PTG, SUK, DASB, Pejabat Tanah Kota Setar (PTKS) dan Pejabat Tanah Kubang Pasu (PTKP) yang terlibat dalam pengurusan perumahan serta pemaju turut dilakukan untuk mendapat pengesahan. Selain itu, lawatan tapak ke projek perumahan terpilih juga diadakan. *Exit Conference* bersama Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan SUK telah diadakan pada 2 Februari 2016 yang turut dihadiri oleh wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Unit Audit Dalam, Pejabat SUK.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati walaupun Kerajaan Negeri ada menetapkan kuota Melayu sebanyak 30% dan 50% diperuntukkan bagi pengenaan/peruntukan sekatan kepentingan terhadap tanah-tanah kuota orang Melayu tetapi dari segi pelaksanaannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi pemilikan rumah bagi lot perumahan kuota Melayu tidak dapat diukur.
- Pembinaan dan agihan rumah lot Melayu tidak mengikut kelulusan serta kedudukan rumah tidak mengikut penetapan lot asal seperti yang diluluskan.
- Ketidakteragamaan kenyataan syarat sekatan kepentingan dalam hak milik kuota Melayu boleh menjejaskan kepentingan tanah tersebut.
- Syarat pelepasan (pembatalan) kuota Melayu tidak dipatuhi.

1.4.1. Prestasi Pemilikan Rumah Bagi Lot Perumahan Kuota Melayu Tidak Dapat Diukur

Dasar Kerajaan Negeri telah menetapkan supaya kuota jualan bagi zon pembangunan (selain di Daerah Langkawi) yang melibatkan Tanah Luar Simpanan Melayu dan Tanah Simpanan Melayu bagi pemilik bukan Melayu adalah sekurang-kurangnya 30% untuk orang Melayu dan 70% adalah terbuka. Manakala bagi tanah yang dimohon cabut keluar dari Tanah Simpanan Melayu ke Tanah Luar Simpanan Melayu, kuota jualan adalah sekurang-kurangnya 50% untuk orang Melayu. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada kuota pemilikan perumahan di kalangan orang Melayu tercapai disebabkan tiada Unit/ Jabatan yang bertanggungjawab menyediakan Daftar Utama yang merangkumi maklumat pendaftaran, jualan dan pelepasan unit kuota Melayu bagi setiap projek perumahan swasta yang dibangunkan. Ketiadaan maklumat ini menyebabkan prestasi pencapaian pelaksanaan pengurusan perumahan kuota Melayu tidak dapat diukur. **Berdasarkan maklum balas Exit Conference bertarih 2 Februari 2016, Unit Khas di PTG telah diluluskan pada tahun 2015. Selain itu, PTG turut mempunyai kerangka maklumat asas pembangunan tanah sebagai langkah permulaan. Justeru itu, unit tersebut akan diperkasakan mengikut bidang tugas yang akan dibincangkan dalam mesyuarat.**

Pada pendapat Audit, penetapan dasar kuota jualan kepada orang Melayu oleh Kerajaan Negeri adalah baik. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat membuat penilaian terhadap prestasi pemilikan tanah-tanah lot yang melibatkan kuota Melayu disebabkan ketiadaan maklumat mengenai pendaftaran, jualan dan pelepasan unit kuota Melayu.

1.4.2. Penetapan Lot Kuota Melayu Bagi Projek Perumahan

1.4.2.1. Semakan Audit terhadap 45 sampel fail yang telah memperoleh CCC bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati tiada garis panduan bagi penetapan tanah-tanah lot yang melibatkan kuota Melayu. Semakan Audit mendapati taburan penetapan lot kuota Melayu bagi semua projek perumahan adalah berdasarkan pelan yang dikemukakan oleh pemaju dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati:

a. Jenis Rumah Tidak Mengikuti Kelulusan MMK

Dua projek perumahan iaitu di Taman Desa Tanjung, Jitra dan Taman Setia Jaya, Jitra telah dibina tidak mengikut jenis rumah yang ditetapkan mengikut kelulusan MMK dan ringkasannya adalah seperti di **Jadual 1.2**. **Berdasarkan maklum balas Exit Conference bertarikh 2 Februari 2016, Pejabat Tanah Daerah Kota Setar memaklumkan bahawa perubahan jenis rumah yang berlaku adalah di luar bidang kuasa Pejabat Tanah Daerah masing-masing. Sebaliknya kelulusan pelan bangunan telah diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan tanpa merujuk kepada kelulusan MMK.**

Jadual 1.2
Jenis Rumah Dibina Tidak Mengikuti Kelulusan MMK


Bil.	Taman	Lot Melayu (Unit)	Jenis Rumah Berdasarkan		
			Kelulusan MMK	Syarat Nyata Di Dokumen Hak Milik	Penemuan Audit
1	Desa Tanjung, Jitra	10	Berkembar 2 Tingkat	Berkembar Setingkat	Semua unit berkembar setingkat
		9	Teres 2 Tingkat	Teres 2 Tingkat	Semua unit teres setingkat
2	Setia Jaya, Jitra	13	Berkembar 2 Tingkat	Berkembar 2 Tingkat	Semua unit berkembar setingkat
		1	Banglo 2 Tingkat	Banglo 2 Tingkat	Semua unit banglo setingkat

Sumber: PTKP, MDKP Dan PTG

i. Taman Desa Tanjung, Jitra

Berdasarkan keputusan MMK Kertas No. 6(C) 202/2009 bertarikh 30 September 2009, sebanyak 30% atau 10 unit bagi Rumah Berkembar 2 Tingkat dan 9 unit Teres 2 Tingkat diperuntukkan untuk lot Melayu di atas tanah Lot 923 GM 266 Bandar Darulaman, Daerah Kubang Pasu. Semakan dan lawatan Audit mendapati 19 unit rumah yang dibina tidak mengikut kelulusan MMK di mana pembinaan rumah berkembar 2 tingkat seperti di **Gambar 1.1** tidak dilaksanakan oleh pemaju sebaliknya dibina rumah berkembar 1 tingkat adalah seperti di **Gambar 1.2**. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati "Syarat Nyata" bagi 9 dokumen hak milik yang didaftarkan adalah jenis rumah adalah sama seperti kelulusan MMK iaitu teres 2 tingkat walaupun rumah yang dibina adalah teres setingkat.

Gambar 1.1
Rumah Berkembar 2 Tingkat
Yang Diluluskan



Sumber: Cabutan Keputusan MMK
Tarikh: 30 September 2009

Gambar 1.2
Rumah Berkembar 1 Tingkat
Yang Dibina




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa Tanjung, Jitra
Tarikh: 8 September 2015

ii. Taman Setia Jaya, Jitra

Pembinaan 42 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat dan 2 unit Banglo 2 Tingkat di atas Lot 4585 GRN 19132 Mukim Jitra, Daerah Kubang Pasu telah diluluskan mengikut keputusan MMK Kertas No. 6(C) 106/2007 bertarikh 3 Mei 2007. Daripada jumlah itu, sebanyak 30% atau 13 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat dan sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat telah diperuntukkan untuk kuota Melayu. Semakan dan lawatan Audit mendapati jenis rumah yang dibina di tapak tersebut tidak berdasarkan kelulusan MMK adalah seperti di **Gambar 1.3** tetapi telah ditukar menjadi Rumah Banglo 1 Tingkat dan contoh Rumah Berkembar 1 Tingkat adalah seperti di **Gambar 1.4**. Selain itu, "Syarat Nyata" di dokumen hak milik yang didaftarkan adalah jenis rumah yang asal seperti kelulusan MMK.

Gambar 1.3
Rumah Berkembar 2 Tingkat
Yang Diluluskan



Sumber: Cabutan Keputusan MMK
Tarikh: 3 Mei 2007

Gambar 1.4
Rumah Berkembar 1 Tingkat
Yang Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Setia Jaya, Jitra
Tarikh: 9 September 2015

iii. Berdasarkan maklum balas *Exit Conference* bertarikh 2 Februari 2016, Pihak PTG memaklumkan pembinaan jenis rumah telah diubah pada pelan bangunan oleh pemaju dan pelan tersebut telah dihantar kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk menyemak semula pelan tersebut supaya bertepatan dengan pelan yang diluluskan oleh MMK. Kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan diperlukan daripada segi keseragaman data untuk memastikan pemaju tidak melakukan sebarang perubahan semasa pembangunan dijalankan. Selain itu, PTG juga memaklumkan perbezaan syarat nyata yang terdapat dalam hak milik dengan jenis rumah yang dibina berlaku disebabkan oleh hak milik dikeluarkan terlebih dahulu sebelum pembangunan dijalankan. Pihak PTG tidak boleh mengubahnya melainkan terdapat permohonan daripada pemilik tanah.

b. Jenis Dan Agihan Rumah Lot Melayu Tidak Mengikut Kelulusan MMK

Jenis dan agihan lot rumah bagi kuota Melayu hendaklah mengikut kelulusan yang ditetapkan oleh MMK dan sebarang tukar ganti lot perlu mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati pemaju bagi 2 projek perumahan iaitu di Taman Alor Keladi, Daerah Kota Setar dan Taman Kempas, Daerah Kubang Pasu telah menukar sebahagian jenis rumah. Pindaan sebahagian jenis rumah menyebabkan agihan jenis rumah bagi lot kuota Melayu tidak mengikut kelulusan MMK adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Jenis Dan Agihan Rumah Lot Melayu Tidak Mengikut Penetapan Asal

Bil.	Taman	Jenis Rumah	Agihan Di Pelan (Unit)			Agihan Sebenarnya (Unit)	
			Lot Terbuka	Lot Melayu	Jumlah	Lot Terbuka	Lot Melayu
1	Alor Keladi, Daerah Kota Setar	Banglo 2 Tingkat	2	1	3	2 Banglo 1 Tingkat	1 Banglo 1 Tingkat
		Teres 2 Tingkat	36	15	51	12 Teres 2 Tingkat	15 Teres 1 Tingkat
						24 Teres 1 Tingkat	-
2	Kempas, Daerah Kubang Pasu	Berkembar 2 Tingkat	21	9	30	18 Berkembar 2 Tingkat	9 Berkembar 1 Tingkat
						3 Berkembar 1 Tingkat	-


Sumber: PTKS Dan PTKP

i. Taman Alor Keladi, Daerah Kota Setar

Perenggan 6.15 (b) keputusan MMK Kertas No. 7(C) 17/2006 bertarikh 4 Januari 2006 meluluskan pembinaan 3 unit Rumah Banglo 2 Tingkat dan 51 unit Rumah Teres 2 Tingkat bagi Lot 1336 (GM352) Mukim Langgar, Daerah Kota Setar adalah seperti di **Gambar 1.5** dengan penetapan kuota lot Melayu sebanyak 30% iaitu sebuah Rumah Banglo dan 15 unit Rumah Teres 2 Tingkat. Semakan

dan lawatan Audit mendapati pindaan kesemua jenis rumah menjadi Rumah Banglo 1 Tingkat adalah seperti di **Gambar 1.6** dan Rumah Teres 1 Tingkat seperti di **Gambar 1.7**. Ini turut menyebabkan berlakunya pengagihan rumah yang tidak menepati keputusan MMK.

Gambar 1.5
Rumah Banglo 2 Tingkat
Yang Diluluskan



Sumber: Cabutan Keputusan MMK
Tarikh: 4 Januari 2006

Gambar 1.6
Rumah Banglo 1 Tingkat
Yang Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Alor Keladi, Daerah Kota Setar
Tarikh: 28 September 2015




Gambar 1.7
Rumah Teres 1 Tingkat
Yang Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Alor Keladi, Daerah Kota Setar
Tarikh: 28 September 2015

ii. Taman Kempas, Daerah Kubang Pasu

Perenggan 6.15 (b) keputusan MMK Kertas No. 6(C) 40/2009 bertarikh 21 Januari 2009 menetapkan lot kuota Melayu sebanyak 30% tidak dibenarkan menukar ganti plot-plot tersebut melainkan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan lot kuota Melayu diberi sebanyak 9 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat adalah seperti di **Gambar 1.8**. Semakan dan lawatan Audit mendapati rumah tersebut telah dibina menjadi Rumah Berkembar 1 Tingkat seperti di **Gambar 1.9**.

Gambar 1.8
Rumah Berkembar 2 Tingkat
Yang Diluluskan



Syarat Nvata dan Sekatan Kepentingan :
 Sumber: Cabutan Keputusan
 Tarikh: 21 Januari 2009

Gambar 1.9
Rumah Berkembar 1 Tingkat
Yang Dibina




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Kempas, Daerah Kubang Pasu
 Tarikh: 14 September 2015

c. Kedudukan Rumah Lot Melayu Tidak Mengikut Penetapan Lot Asal - Taman Akasia, Changlun


Perenggan 6.7 (b) keputusan MMK Kertas No. 6(C) 210/2009 bertarikh 7 Oktober 2009 menetapkan kuota lot Melayu sebanyak 30% untuk Rumah Banglo (3 unit), Rumah Berkembar (6 unit), Rumah Teres (9 unit) dan 60% untuk Rumah Kos Rendah (8 unit) kepada orang Melayu. Semakan terhadap pelan dan lawatan Audit ke tapak perumahan berkenaan mendapati 19 daripada 26 unit lot Melayu telah diubah kedudukannya menyebabkan lot Melayu terpinggir dan berada di lokasi penghujung projek adalah seperti di **Gambar 1.10** dan **Gambar 1.11**. **Berdasarkan maklum balas Exit Conference bertarikh 2 Februari 2016, pihak SUK memaklumkan perkara ini perlu diberi perhatian kerana perubahan kedudukan lot Melayu boleh menjejaskan penjualan rumah tersebut.**

Gambar 1.10
Kedudukan Asal Lot Melayu



Sumber: Cabutan Keputusan
 Tarikh: 21 Januari 2009

Gambar 1.11
Kedudukan Lot Melayu Yang Telah Diubah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Akasia, Changlun
 Tarikh: 14 September 2015

1.4.2.2. Mulai tahun 2012, penambahbaikan terhadap garis panduan dalam menentukan penetapan kuota Melayu oleh PTG telah dikeluarkan. Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Bil. 3/2012 menetapkan Pentadbir Tanah Daerah hendaklah membuat cadangan menandakan kuota Melayu di atas pelan ubah jenis kegunaan tanah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan antaranya berhampiran masjid/surau, berhampiran kawasan lapang/padang permainan, jauh dari kawasan kumbahan sampah, bahagian depan projek/jalan raya, mempunyai kemudahan awam/jalan besar, berjauhan dari rumah ibadat/kubur asing, mesti ada *corner/end lot*, tidak berjauhan antara satu sama lain, tidak berada di belakang perumahan/ penghabisan jalan dan berjauhan dari tangki air. Semakan Audit mendapati 12 daripada 13 permohonan projek perumahan yang dimohon dalam tahun 2012 hingga 2014 masih belum dibangunkan kecuali bagi projek pembinaan 11 unit rumah kedai di atas Lot 4607 GM 370 Mukim Pengkalan Kundor, Alor Setar iaitu Pusat Perniagaan. Penetapan lot kuota Melayu bagi projek yang dibangunkan tersebut memenuhi kriteria ditetapkan kecuali berada di penghujung jalan.

Pada pendapat Audit, garis panduan bagi penetapan lot kuota Melayu yang telah dibuat penambahbaikan adalah baik dan lebih jelas sebagai panduan kepada Pejabat Tanah Daerah masing-masing. Bagaimanapun, pelaksanaan penetapan lot kuota Melayu tidak mengikut kelulusan MMK perlu dipantau. Sebarang pindaan kepada lot asal hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

1.4.3. Ketidakterseragaman Kenyataan Syarat Sekatan Kepentingan Di Dalam Hak Milik Kuota Melayu

Berdasarkan keputusan MMK Kertas No. 6(F) 239/2013 yang dikeluarkan bagi setiap projek perumahan, pernyataan “Pindah milik pertama hendaklah mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kertas No. Bertarikh dan pindah milik seterusnya hendaklah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri” perlu diletakkan sebagai syarat kepentingan di dalam dokumen hak milik. Analisis Audit terhadap 354 hak milik di 17 projek perumahan mendapati hanya 19 atau 5.4% hak milik meletakkan peruntukan sekatan kepentingan manakala 278 atau 78.5% hak milik tidak meletakkan pernyataan berkaitan “Plot Kuota Melayu” di bawah syarat sekatan kepentingan. Sebaliknya peruntukan sekatan kepentingan diletakkan di bawah “Tanggung dan Endorsan-endorsan Lain”. Selain itu, terdapat sebanyak 57 atau 16.1% hak milik yang mempunyai butiran tidak lengkap di bawah syarat sekatan kepentingan dengan kenyataan seperti “Negeri sekiranya (plot kuota Melayu) tersebut dipindah milik kepada bukan Melayu”. Ketidakterseragaman kenyataan syarat kepentingan boleh menjejaskan kepentingan tanah tersebut yang melindungi kuota lot Melayu. **Berdasarkan maklum balas Exit Conference bertarikh 2 Februari 2016, Pejabat Tanah Kota Setar memaklumkan butiran yang tidak lengkap di bawah syarat sekatan kepentingan berlaku disebabkan oleh kesilapan semasa proses mengemas kini sekatan kepentingan tersebut.**

Pada pendapat Audit, syarat sekatan kepentingan yang diputuskan oleh MMK adalah jelas dan tidak memadai dinyatakan di ruangan lain. Ketidakterseragaman kenyataan syarat kepentingan boleh menjejaskan kepentingan tanah tersebut.

1.4.4. Syarat Pelepasan/Pembatalan Kuota Melayu Tidak Dipatuhi

1.4.4.1. **Jadual 1.4** menunjukkan sebanyak 27 permohonan pelepasan kuota Melayu oleh pemaju perumahan, pemaju industri dan individu telah dibuat melalui Bahagian Perumahan SUK. Daripada jumlah tersebut, 2 permohonan oleh individu telah dilulus pelepasan, 13 permohonan ditangguhkan pelepasan dan 2 permohonan ditolak berdasarkan keputusan MMK Kertas No. 6(F) 271/2013 bertarikh 18 Disember 2013. Manakala 10 permohonan pelepasan baru bagi tahun 2014 dan 2015 telah diterima untuk penjualan semula di DASB.

Jadual 1.4
Statistik Permohonan Pelepasan Kuota Melayu

Perkara	Kategori Permohonan Pelepasan Kuota Melayu			Jumlah
	Bil. Pemaju Perumahan	Bil. Pemaju Industri	Bil. Individu	
Keputusan MMK 6(F) 271/2013				
Lulus	0	0	2	2
Tangguh	6	3	4	13
Tolak	1	0	1	2
Jumlah	7	3	7	17
Permohonan Pelepasan Baru				
2014	7	0	1	8
2015	2	0	0	2
Jumlah	9	0	1	10
Jumlah Keseluruhan				27

Sumber: Bahagian Perumahan SUK

1.4.4.2. Antara syarat pelepasan/pembatalan kuota Melayu yang tidak dipatuhi adalah seperti berikut:

- a. Berdasarkan keputusan MMK 6(F) Kertas No. 268/2009 mengenai permohonan pelepasan/pembatalan kuota Melayu, antara syarat tersebut ialah pemaju perlu mengemukakan Laporan Proses Jualan Plot Melayu yang mengandungi nama pembeli, nombor kad pengenalan dan tarikh tandatangan perjanjian jual beli kepada SUK, permohonan pelepasan selepas 12 bulan daripada tarikh Sijil Layak Menduduki dikeluarkan dan iklan jualan lot Melayu sekurang-kurangnya 6 bulan sekali dalam tempoh setahun di dalam akhbar tempatan (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris). Semakan Audit mendapati syarat yang dinyatakan telah dipatuhi kecuali Laporan Proses Jualan Plot Melayu yang dikemukakan oleh pemaju kepada pejabat SUK tidak lengkap kerana hanya mempunyai maklumat jumlah kuota Melayu, bilangan rumah yang dijual dan baki belum dijual. Ketiadaan maklumat tersebut menyebabkan SUK tidak dapat memantau proses penjualan rumah yang dipohon pelepasan.

Lawatan Audit bersama pegawai DASB pada 12 dan 13 Ogos 2015 dan pengesahan daripada pemaju mendapati daripada 94 unit rumah yang dimohon pelepasan dengan anggaran nilai jualan antara RM95,000 hingga RM884,000, 51 atau 54.3% unit rumah masih kosong, 25 atau 26.6% unit disewakan, 18 atau 19.1% unit telah dijual adalah seperti di **Gambar 1.12** hingga **Gambar 1.17**. Antara sebab pemaju mengemukakan permohonan pelepasan/pembatalan lot Melayu adalah disebabkan oleh penjualan unit rumah tidak mendapat sambutan daripada pembeli Melayu, aktiviti ekonomi yang perlahan dan persaingan kewujudan perumahan baru. Selain itu, DASB juga telah menawarkan kepada bakal pembeli yang berdaftar dan seterusnya membuat hebahan melalui email, surat menyurat dan iklan menerusi media cetak. SUK juga turut menggiatkan usaha promosi melalui Ekspo Pemilikan Hartanah Orang Melayu (e-HOME 2015) telah dijalankan di Alor Setar dan Sungai Petani pada bulan Ogos 2015 adalah seperti di **Gambar 1.18** hingga **Gambar 1.20**. Usaha promosi ini turut disertai pemaju perumahan yang berdaftar di bawah *Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia* (REHDA), institusi kewangan, Bahagian Perumahan SUK dan DASB.

Gambar 1.12

Lot Kuota Melayu Yang Masih Kosong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Seri Abadi, Alor Setar
Tarikh: 13 Ogos 2015

Gambar 1.13

Lot Kuota Melayu Yang Masih Kosong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Beringin Indah, Kulim
Tarikh: 12 Ogos 2015

Gambar 1.14

Lot Kuota Melayu Yang Telah Disewa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Perniagaan Perdana, Sg. Petani
Tarikh: 12 Ogos 2015

Gambar 1.15

Lot Kuota Melayu Yang Telah Disewa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Cemara, Alor Setar
Tarikh: 13 Ogos 2015

Gambar 1.16
Lot Kuota Melayu Yang Telah Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Perniagaan Perdana Sg. Petani
Tarikh: 12 Ogos 2015

Gambar 1.17

Lot Kuota Melayu Yang Telah Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Mahsuri, Yan
Tarikh: 13 Ogos 2015

Gambar 1.18
Kiosk Pejabat SUK Negeri Kedah
Untuk Tujuan Promosi Lot Melayu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Amanjaya Mall, Sg. Petani
Tarikh: 30 Ogos 2015

Gambar 1.19
Iklan Lot-Lot Melayu
Yang Ditangguhkan Pelepasan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Amanjaya Mall, Sg. Petani
Tarikh: 30 Ogos 2015

Gambar 1.20
Iklan Lot-Lot Melayu Yang Ditangguhkan Pelepasan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Amanjaya Mall, Sungai Petani
Tarikh: 30 Ogos 2015

DAERAH KOTA SETAR					
NO. UNIT	NO. MAMPUAN	HARGA (RM)	KELUKAAN LOT	HUBUNGI	
1	1	238,887		Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	04-7301957
2	2	238,887		Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	04-7301957

- b. Mengikut Kertas MMK No. 6(F) 271/2013 bertarikh 18 Disember 2013, lot kuota Melayu yang ditangguhkan kelulusan pelepasan/pembatalan oleh UPPLM perlu diiklankan sekali lagi dalam akhbar utama tempatan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan dipromosikan di dalam Pameran Hartanah Kuota Melayu. Semakan Audit mendapati pengiklanan bagi lot kuota Melayu yang ditangguhkan kelulusannya oleh UPPLM tidak diiklankan sekali lagi dalam akhbar utama tempatan. **Berdasarkan maklum balas Bahagian Perumahan SUK bertarikh 31 Januari 2016, walaupun tidak diiklankan, usaha promosi terus dilakukan melalui pameran eHome, perjumpaan dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Negeri Kedah dan penjualan beberapa lot rumah kedai kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).**

Pada pendapat Audit, pihak SUK perlu memastikan DASB telah melaksanakan segala usaha untuk penjualan unit rumah lot Melayu yang dibina sebelum mengemukakan permohonan pelepasan/pembatalan. Di samping itu, pihak SUK juga perlu mengadakan rundingan dengan pihak pemaju supaya rumah-rumah tersebut dapat dijual semula dengan harga yang munasabah.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perumahan kuota Melayu dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan, adalah disyorkan supaya Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG) dan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK) memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:

1.5.1. Pihak PTG atau unit khas yang ditubuhkan perlu mewujudkan daftar utama yang lengkap merangkumi maklumat pendaftaran, jualan dan pelepasan unit kuota Melayu bagi setiap projek perumahan swasta yang dibangunkan bagi membolehkan prestasi pemilikan kuota Melayu mengikut projek dapat diukur.

1.5.2. Pihak Kerajaan Negeri perlu menetapkan peraturan tertentu bagi membolehkan tindakan undang-undang atau penalti dikenakan terhadap pemaju yang tidak mematuhi syarat-syarat penetapan kuota, penjualan dan pelepasan kuota Melayu.

JABATAN KERJA RAYA JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

2. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Mengikut Bahagian 2 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam dan jalan-jalan lain yang boleh dilalui oleh orang ramai selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959. Manakala penyenggaraan Jalan Negeri di bawah peruntukan yang sama bermaksud penjagaan dan pemuliharaan jalan, longkang, pembentungan dan jambatan, perabot jalan, jejambat/jejantas dan terowong yang menjadi sebahagian dari jalan itu. Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri di bawah Peruntukan Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara Jalan Negeri di negeri masing-masing. Bagi melayakkan Kerajaan Negeri menerima pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, setiap Jalan Negeri hendaklah didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia atau *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) yang disediakan oleh Kementerian Kewangan iaitu satu aplikasi yang digunakan untuk merekod maklumat-maklumat jalan merangkumi panjang, lebar dan bahu jalan. Maklumat-maklumat ini akan digunakan sebagai asas pengiraan pemberian geran penyenggaraan Jalan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2013 hingga 2015, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian penyenggaraan Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM549.33 juta dan telah diperakaukan di dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM466.59 juta atau 84.9% telah dibelanjakan dari keseluruhan pemberian yang diterima bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri dalam tempoh tersebut seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan
Perbelanjaan Penyenggaraan Jalan Negeri
Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Tahun	Pemberian (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
2013	174.99	123.36	70.5
2014	179.64	168.52	93.8
2015	194.70	174.71	89.7
Jumlah	549.33	466.59	84.9

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah

2.1.2. Jabatan/Agensi Pelaksana bagi kerja-kerja penyenggaraan Jalan Negeri di Negeri Kedah terdiri dari Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah (PD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). JKR bertanggungjawab

menyenggara Jalan Raya Negeri manakala Jalan Pertanian oleh JPS, Jalan Perbandaran dan Jalan Kawasan Perumahan Rendah serta Lorong Belakang oleh PBT dan Jalan Kampung oleh Pejabat Daerah. Mengikut Laporan MARRIS pada 31 Disember 2015, jumlah panjang Jalan Negeri di Negeri Kedah yang didaftarkan adalah sebanyak 11,779.32 kilometer (km). Daripada jumlah ini, JKR bertanggungjawab menyenggara jalan sebanyak 3,356.77 km, JPS 1,289.84 km, PBT 2,447.28 km dan Pejabat Daerah 4,685.43 km seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Panjang Jalan Negeri Kedah Mengikut Daerah Dan Jabatan/Agensi Pelaksana
Pada 31 Disember 2015

Bil.	Daerah	Jabatan	Jabatan	Pihak	Pejabat	Jumlah
		Kerja Raya	Pengairan Dan Saliran	Berkuasa Tempatan		
Kilometer (km)						
1	Kota Setar	441.12	-	735.23	728.93	1,905.28
2	Kuala Muda	369.48	377.30	444.78	411.51	1,603.07
3	Kubang Pasu	408.64	86.16	158.78	769.23	1,422.81
4	Kulim	196.00	86.06	647.99	330.69	1,260.74
5	Baling	622.64	63.15	116.51	208.43	1,010.73
6	Padang Terap	400.08	53.09	33.89	476.87	963.93
7	Sik	225.80	50.10	74.43	299.91	650.24
8	Pendang	365.49	126.23	53.30	89.59	634.61
9	Bandar Baharu	53.25	119.19	51.10	184.42	407.96
10	Langkawi	64.16	82.81	77.56	282.05	506.58
11	Yan	132.01	116.75	53.71	489.90	792.37
12	Pokok Sena	78.10	129.00	-	413.90	621.00
Jumlah		3,356.77	1,289.84	2,447.28	4,685.43	11,779.32

Sumber: MARRIS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada penyenggaraan Jalan Negeri menggunakan geran pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi kerja-kerja penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksanakan dalam tempoh tahun 2013 hingga bulan Jun 2015 oleh JKR Daerah Kuala Muda dan Daerah Pendang, JPS Daerah Pokok Sena dan Majlis Bandaraya Alor Setar. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan jumlah agihan peruntukan penyenggaraan jalan yang diterima dan panjang Jalan Negeri mengikut daerah. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa dokumen seperti baucar bayaran, jadual penyenggaraan, rekod panjang jalan, sebut harga kontrak penyenggaraan jalan dan menganalisis data berkenaan bagi tahun 2013 hingga Jun 2015. Di samping itu, lawatan serta perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pelaksanaan kerja penyenggaraan. *Exit Conference* bersama Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah dan Jabatan Kerja Raya Negeri telah diadakan pada 26 Januari 2016 yang turut dihadiri oleh wakil Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Oktober 2015 mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja penyenggaraan Jalan Negeri adalah baik dari segi prestasi perbelanjaan daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan kualiti kerja penyenggaraan yang memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Rekod penyenggaraan jalan tidak diselenggara dengan terperinci menyebabkan maklumat yang dilaporkan tidak dapat dijadikan asas dalam merancang kerja-kerja penyenggaraan berkala yang perlu dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
- Masih terdapat jalan dan perabot jalan yang rosak dan belum dibaiki walaupun kerja-kerja penyenggaraan berkala dan rutin telah dilaksanakan.

2.4.1. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

2.4.1.1. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran berkaitan kerja-kerja penyenggaraan Jalan Negeri. Mulai Jun 2015, Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah diperakaunkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Kerajaan Negeri telah menerima pemberian bagi penyenggaraan Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM549.33 juta bagi tahun 2013 hingga 2015. Sejumlah RM480.91 juta atau 87.5% daripada jumlah pemberian tersebut telah diperuntukkan kepada 3 Jabatan/Agensi Pelaksana iaitu JKR, JPS dan PBT.

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan penyenggaraan Jalan Negeri oleh JKR, JPS dan PBT berbanding peruntukan diterima bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah di antara 12.0% hingga 218.3%. Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan diluluskan adalah sangat baik iaitu RM466.59 juta daripada RM480.91 juta atau 97.0%. Semakan selanjutnya mendapati sehingga Disember 2015, sejumlah RM174.71 juta atau 101.7% telah dibelanjakan oleh Agensi Pelaksana daripada peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Jumlah perbelanjaan pada tahun 2015 adalah 89.7% daripada pemberian Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM194.70 juta. Kedudukan perbelanjaan penyenggaraan Jalan Negeri berbanding peruntukan diluluskan adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Prestasi Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Jabatan/Agensi Pelaksana	Pemberian Persekutuan (RM Juta)	Peruntukan Negeri (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Prestasi Perbelanjaan (%)
2013				
JKR	174.99	128.00	120.36	94.0
PBT		3.00	3.00	100.0
Jumlah	174.99	131.00	123.36	94.2
2014				
Perbendaharaan Negeri	179.64	-	0.14	-
JKR		156.80	150.77	96.2
PBT		6.99	3.41	48.8
JPS		14.40	14.20	98.6
Jumlah	179.64	178.19	168.52	94.6
2015				
Perbendaharaan Negeri	194.70	-	0.09	-
JKR		121.72	127.16	104.5
PBT		29.90	3.58	12.0
JPS		20.10	43.88	218.3
Jumlah	194.70	171.72	174.71	101.7
Jumlah Keseluruhan	549.33	480.91	466.59	97.0

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah amat baik. Jabatan/Agensi Pelaksana perlu terus memastikan peruntukan yang diterima dibelanjakan sepenuhnya.

2.4.2. Prestasi Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan

Pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan melibatkan pihak JKR yang bertanggungjawab menyenggara Jalan Raya Negeri, PBT menyenggara Jalan Raya Perbandaran, Jalan Kawasan Perumahan Rendah dan Lorong Belakang. Manakala, JPS menyenggara Jalan Pertanian. Jenis kerja-kerja penyenggaraan jalan oleh JKR, PBT dan JPS melibatkan penyenggaraan berkala, penyenggaraan rutin dan kerja kecemasan. Kerja-kerja penyenggaraan ini sama ada dilaksanakan sendiri oleh Jabatan/Agensi Pelaksana ataupun dengan melantik kontraktor. Pelantikan kontraktor dibuat secara rundingan terus, sebut harga, kerja secara undian atau lantikan secara terus bergantung kepada nilai dan jenis kerja yang dilaksanakan. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah melantik 2 buah syarikat kontraktor secara rundingan terus untuk menyenggara Jalan Raya Negeri yang melibatkan semua daerah kecuali Daerah Langkawi. Manakala bagi tahun 2015, sebuah syarikat kontraktor telah dilantik secara rundingan terus bagi menyenggara Jalan Raya Negeri di semua daerah kecuali Daerah Langkawi. Bagi Daerah Langkawi, penyenggaraan jalan hanya melibatkan pelantikan secara sebut harga, kerja undi dan lantikan terus yang diuruskan sendiri oleh JKR Daerah Langkawi. Pada tahun 2015 juga, pelantikan sebuah syarikat kontraktor juga dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi menyenggara jalan melibatkan semua daerah di bawah seliaan JPS dan PBT di mana pihak JPS dilantik sebagai Pegawai

Penyelia. Selain daripada itu, terdapat juga pelantikan kontraktor yang dibuat sendiri oleh Jabatan/Agensi Pelaksana yang terpilih. Pelaksanaan kerja oleh Jabatan/Agensi Pelaksana adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Pelaksanaan Kerja Oleh Jabatan/Agensi Pelaksana Terpilih
Mengikut Jenis Pelantikan Kontraktor Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Jenis Pelantikan	Agensi Pelaksana											
	JKR Kuala Muda			JKR Pendang			JPS Pokok Sena			MBAS		
	2013	2014	2015	2013	2014	2015	2013	2014	2015	2013	2014	2015
Rundingan Terus	-	7	-	-	6	-	-	-	-	-	-	-
Sebut Harga Kerja Undi	68	23	19	52	16	13	-	-	-	5	14	-
Lantikan Terus	4	-	4	6	5	2	-	12	-	-	-	-
Jumlah	72	30	42	58	27	32	-	24	-	5	14	-

Sumber: JKR, JPS dan MBAS

2.4.2.1. Perancangan Dan Pelaksanaan Kerja Berkala

Pelaksanaan kerja adalah berdasarkan kepada perancangan yang dibuat oleh setiap Jabatan/Agensi Pelaksana. Perancangan pelaksanaan kerja mengandungi cadangan kerja serta anggaran peruntukan yang diperlukan berdasarkan keutamaan kerja semasa. Semakan Audit terhadap perancangan berbanding pelaksanaan kerja berkala telah dijalankan di JKR Kuala Muda, JKR Pendang, JPS Pokok Sena dan MBAS mendapati perkara seperti berikut:

a. JKR Kuala Muda Dan JKR Pendang

- i. JKR Kuala Muda dan JKR Pendang ada menyediakan perancangan pelaksanaan kerja pada setiap tahun. Ia dinyatakan semasa menyediakan permohonan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri yang dikemukakan ke JKR Ibu Pejabat. JKR Kuala Muda telah merancang untuk melaksanakan kerja penyenggaraan sebanyak 98 kerja dengan kos dianggarkan berjumlah RM51.97 juta bagi tahun 2013 hingga 2015. Manakala JKR Pendang telah merancang untuk melaksanakan sebanyak 101 kerja dengan kos dianggarkan berjumlah RM41.56 juta bagi tahun 2013 hingga 2015.
- ii. Semakan Audit mendapati JKR Kuala Muda telah melaksanakan sebanyak 102 kerja berjumlah RM36.35 juta atau 69.9% berbanding 98 kerja berjumlah RM51.97 juta yang dirancang bagi tahun 2013 hingga 2015. Manakala JKR Pendang telah melaksanakan sebanyak 63 kerja berjumlah RM22.75 juta atau 54.7% berbanding 101 kerja berjumlah RM41.56 juta yang dirancang bagi tahun 2013 hingga 2015. Butiran perancangan dan pelaksanaan kerja di JKR Kuala Muda dan JKR Pendang adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Pelaksanaan Kerja Penyelenggaraan Jalan Berbanding Rancangan
JKR Daerah Kuala Muda dan JKR Pendang Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Rancangan		Pelaksanaan			Perbezaan		
	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Peratus (%)	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Peratus (%)
JKR Kuala Muda								
2013	29	12.58	42	13.29	105.6	(13)	(0.71)	(5.6)
2014	34	17.57	42	12.98	73.9	(8)	4.59	26.1
2015	35	21.82	18	10.08	46.2	17	11.74	53.8
Jumlah	98	51.97	102	36.35	69.9	(4)	15.62	30.1
JKR Pendang								
2013	35	13.58	21	8.69	64.0	14	4.89	36.0
2014	33	13.23	29	8.65	65.4	4	4.58	34.6
2015	33	14.75	13	5.41	36.7	20	9.34	63.3
Jumlah	101	41.56	63	22.75	54.7	38	18.81	45.3

Sumber: JKR

b. Majlis Bandaraya Alor Setar

Semakan Audit mendapati MBAS ada menyediakan perancangan kerja penyelenggaraan jalan yang akan dilaksanakan setiap tahun. Perancangan tersebut termasuklah bilangan kerja serta anggaran kos yang diperlukan. Adalah didapati MBAS telah melaksanakan kerja penyelenggaraan sebanyak 55 kerja dengan kos berjumlah RM8.15 juta berbanding perancangan sebanyak 99 kerja berjumlah RM13.0 juta bagi tahun 2013 hingga 2015. Butiran terperinci perancangan dan pelaksanaan kerja MBAS adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Pelaksanaan Kerja Penyelenggaraan Jalan Berbanding Rancangan MBAS
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Rancangan		Pelaksanaan			Perbezaan		
	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Peratus (%)	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Peratus (%)
2013	49	4.69	5	0.22	4.7	44	4.47	95.3
2014	22	1.63	22	1.68	103.1	-	(0.05)	(3.07)
2015	28	6.68	28	6.25	93.6	-	0.43	6.4
Jumlah	99	13.00	55	8.15	62.7	44	4.85	37.3

Sumber: MBAS

c. JPS Pokok Sena

Semakan Audit mendapati JPS Pokok Sena ada menyediakan perancangan bagi pelaksanaan kerja yang berkaitan hanya mulai tahun 2015. Sementara itu, JPS Pokok Sena juga telah menerima peruntukan penyelenggaraan jalan mulai tahun 2014. Bagi tahun 2014 dan 2015, sejumlah RM1.75 juta peruntukan telah diterima dan dibelanjakan kesemuanya bagi melaksanakan 53 kerja.

- d. Semakan Audit mendapati masih terdapat Jalan Negeri yang perlu dibaiki supaya tidak menjadi lebih teruk serta boleh menjejaskan keselamatan pengguna ketika berada di atas jalan raya. Keadaan jalan yang sepatutnya disenggarakan adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3**.

Gambar 2.1
Jalan Yang Mengalami Kerosakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Lalang/Bukit Selambau
(K152), Daerah Kuala Muda
Tarikh: 18 Oktober 2015

Gambar 2.2
Jalan Yang Mengalami Kerosakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Merpati/Taman Sri Abadi,
Kuala Kedah, Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Oktober 2015



Gambar 2.3
Jalan Yang Mengalami Kerosakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Aman, Alor Setar,
Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Ogos 2015

- e. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, perancangan yang dikemukakan oleh pihak Jurutera Daerah adalah berdasarkan program kerja-kerja penyenggaraan yang hendak dilaksanakan mengikut keutamaan. Bagaimanapun, kerja-kerja dilaksanakan berdasarkan kelulusan dan peruntukan yang diterima serta mengikut keutamaan. Manakala maklum balas MBAS bertarikh 27 Januari 2016 dan maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, pihak JKR dan Majlis telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi kerosakan jalan-jalan yang dinyatakan di atas dalam tahun 2016.**

2.4.2.2. Penyenggaraan Berkala

Pemeriksaan dan penilaian secara berkala ke atas keupayaan struktur pavemen jalan sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik sangat penting bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai. Ini disebabkan kerosakan permukaan jalan biasanya dikaitkan dengan kelemahan struktur pavemen jalan. Kerja-kerja penyenggaraan berkala adalah seperti menguatkan struktur *pavemen* jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (*resurfacing*). Semakan Audit mendapati:

a. Kualiti Kerja Penyenggaraan Berkala Yang Dilaksanakan

- i. Kerja penyenggaraan jalan hendaklah dijalankan dengan sempurna dan mengikut spesifikasi kerja seperti yang ditetapkan di dalam *Bill Of Quantity* (BQ). Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab memantau kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh pihak kontraktor.
- ii. Lawatan Audit bersama pegawai JKR Kuala Muda, JKR Pendang, JPS Pokok Sena dan MBAS ke 20 lokasi terpilih di Daerah Kuala Muda, Pendang, Pokok Sena dan Kota Setar telah dijalankan melibatkan kerja membaiki pulih dan menurap jalan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga 2015.
- iii. Hasil daripada lawatan tersebut mendapati kerja-kerja penyenggaraan telah dilaksanakan dengan baik seperti di **Gambar 2.4** dan **Gambar 2.5**. Bagaimanapun, terdapat 2 kerja menurap jalan yang dilaksanakan pada tahun 2014, masing-masing dilaksanakan oleh JPS Pokok Sena dan MBAS telah mengalami kerosakan seperti di **Jadual 2.7**, **Gambar 2.6** dan **Gambar 2.7**.

Jadual 2.7
Prestasi Kerja Penyenggaraan Membaiki Pulih Dan Menurap Jalan

Bil.	Daerah	Lokasi	Kos Penyenggaraan (RM)	Tarikh Siap Kerja	Tarikh Lawatan Audit	Penemuan Audit
1	Pokok Sena	Kg. Bukit Lada/Kg. Palas, Mukim Bukit Lada	51,000	25.9.2014	3.8.2015	Jalan rosak akibat banjir.
2	Kota Setar	Taman Bersatu, Kuala Kedah	199,974	20.9.2014	26.10.2015	Jalan berlubang akibat laluan kenderaan berat seperti lori yang keluar masuk kerana aktiviti pembinaan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.4
Jalan Yang Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kota Kuala Muda, Daerah Kuala Muda
Tarikh: 19 Oktober 2015

Gambar 2.5
Jalan Yang Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pendang/Jenun/Pdg. Bongor, Daerah Pendang
Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 2.6
Jalan Yang Diturap Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pertanian, Kg. Bukit Lada/
Kg. Palas, Mukim Bukit Lada,
Daerah Pokok Sena
Tarikh: 3 Ogos 2015

Gambar 2.7
Jalan Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bersatu, Kuala Kedah,
Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Oktober 2015

- iv. **Mengikut maklum balas JPS bertarikh 19 Januari 2016, kerja-kerja pembaikan Jalan Kg. Bukit Lada/Kg. Palas akan dilaksanakan pada tahun 2016. Maklum balas MBAS bertarikh 27 Januari 2016, menyatakan bagi Taman Bersatu, wang cagaran jalan oleh pemaju telah diambil sebagai syarat kelulusan penggunaan jalan tersebut untuk aktiviti pembinaan. Pelepasan wang cagaran hanya akan diberi setelah pemaju siap membaiki kerosakan jalan tersebut.**

b. Rekod Penyenggaraan Jalan Tidak Diselenggara

- i. Bagi tujuan perancangan dan pemantauan terhadap semua Jalan Negeri, rekod penyenggaraan jalan yang mengandungi maklumat seperti nama jalan, panjang jalan, jalan yang memerlukan tindakan penyenggaraan berdasarkan tempoh penyenggaraan jalan perlulah diselenggara oleh setiap Jabatan/Agensi.

Sebagaimana yang digariskan dalam *Highway Maintenance Manual*, program penyenggaraan hendaklah dilaksanakan setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian. Semakan Audit terhadap 4 Jabatan/Agensi yang dipilih mendapati kesemuanya tidak menyenggara rekod penyenggaraan jalan. JKR Kuala Muda dan JKR Pendang ada menyediakan Laporan Penyenggaraan Jalan-Jalan Negeri mengikut tahun ia dilaksanakan. Manakala MBAS dan JPS pula ada menyediakan Senarai Projek MARRIS mengikut tahun ia dilaksanakan. Bagaimanapun, laporan ini tidak dapat dijadikan asas dalam menentukan jalan yang perlu dibuat penyenggaraan berkala di masa akan datang kerana tidak mengandungi butiran terperinci mengenai lokasi dan tempoh penyenggaraan terakhir yang dilaksanakan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah mengikut tempoh yang ditetapkan setiap 5 hingga 10 tahun.

- ii. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, rekod penyenggaraan jalan telah mula diselenggara sejak tahun 2012 dan JKR Daerah telah diarahkan semula untuk mengemas kini rekod tersebut dari semasa ke semasa dengan butiran terperinci. Mengikut maklum balas JPS bertarikh 19 Januari 2016, tindakan menyediakan rekod kerja penyenggaraan telah diambil bagi tujuan perancangan dan pemantauan kerja-kerja penyenggaraan jalan pertanian pada masa hadapan.**
- iii. Lawatan Audit ke 20 lokasi yang dipilih dan telah lama tidak disenggara mendapati berlaku kerosakan permukaan jalan. Antara kerosakan berkenaan ialah permukaan jalan (pavemen) terdiri daripada retakan (*cracking*), lekukan (*depression*), pengikisan (*raveling*), pengelupasan (*delamination*), lubang (*pothole*) dan *shoving*. Lawatan Audit juga mendapati kerja membaiki kerosakan permukaan jalan dilaksanakan adalah mengikut kes yang ditemui semasa pemantauan oleh pihak JKR atau setelah menerima aduan awam. Penemuan Audit mendapati berlaku kerosakan permukaan jalan seperti berikut:

- **Retakan (*Cracking*)**

Retakan berlaku akibat daripada kegagalan turapan permukaan, ia boleh berlaku dalam pelbagai bentuk iaitu daripada satu retakan kecil sehingga saling bersambung dan meliputi keseluruhan turapan. Antara faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya retakan ialah tekanan daripada beban gandar, perubahan suhu dalam lapisan jalan, serta kandungan lembapan yang berlebihan. Pemeriksaan Audit mendapati berlaku keretakan seperti di **Gambar 2.8** dan **Gambar 2.9**. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, kerja membaiki akan dimasukkan ke dalam perancangan tahun 2016. Manakala, mengikut maklum balas MBAS bertarikh 27 Januari 2016, pihak Majlis akan memastikan jalan berkenaan sentiasa berada dalam keadaan yang baik.**

Gambar 2.8
Kerosakan Jenis Retakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Lalang/Bukit Selambau (K152), Daerah Kuala Muda
Tarikh: 18 Oktober 2015

Gambar 2.9
Kerosakan Jenis Retakan Buaya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bersatu, Kuala Kedah, Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Oktober 2015

- **Lekukan (*Depression*)**

Lekukan ialah kawasan di mana arasnya lebih rendah daripada kawasan sekitarnya atau deformasi yang berlaku pada laluan roda kenderaan yang selari dengan jalan raya. Lekukan kecil kelihatan apabila ia ditakungi oleh air hujan. Ia berlaku disebabkan oleh pegenapan subgred ataupun kerja-kerja pembinaan jalan yang kurang baik serta akibat beban dari roda kenderaan yang dikenakan ke atas jalan raya. Lekukan yang berlaku menyebabkan ketidakselesaan kepada pemanduan dan air yang bertakung akan melemahkan turapan dan seterusnya membawa kepada kerosakan yang lebih besar. Lekukan yang telah berlaku adalah seperti di **Gambar 2.10**.




Gambar 2.10
Kerosakan Jenis Lekukan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Aman, Alor Setar,
Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Oktober 2015

- **Pengikisan (*Raveling*)**

Pengikisan berlaku disebabkan oleh kandungan debu yang berlebihan menyebabkan bitumen lebih banyak menyaluti debu daripada agregat dan akibat daripada proses pemadatan lapisan permukaan *asphalt* yang tidak sempurna menyebabkan agregat mudah tercongkil keluar daripada permukaan jalan raya. Pengikisan telah berlaku seperti di **Gambar 2.11**. **Mengikut maklum balas JKR bertariikh 28 Januari 2016, kerja pembaikan akan dimasukkan ke dalam perancangan tahun 2016.**

Gambar 2.11
Kerosakan Jenis Pengikisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kuala Ketil/Kg. Kalai (*Central Spine*), Daerah Kuala Muda
Tarikh: 18 Oktober 2015

- **Pengelupasan (*Delamination*)**

Pengelupasan berlaku disebabkan kawasan yang hendak diturap tidak dibersihkan dan kurangnya pengikat (*tack coat*). Penyerapan air melalui celahan retakan dan menjejaskan ikatan di antara lapisan bawah dan atas seperti di **Gambar 2.12**.



Gambar 2.12
Kerosakan Jenis Pengelupasan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Shariff, Bandar Alor Setar,
Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Oktober 2015

- **Lelubang (*Pothole*)**

Lelubang terjadi akibat beban daripada lalu lintas yang memecahkan turapan dan membenarkan air memasuki turapan dan seterusnya mempercepatkan proses penyepaian. Ia merupakan pembentukan lubang seperti mangkuk pada turapan jalan seperti di **Gambar 2.13**.

Gambar 2.13
Kerosakan Jenis Lelubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Merpati, Kuala Kedah, Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Oktober 2015

- ***Shoving***

Shoving terbentuk dengan penolakan ke atas permukaan jalan di bahagian tepi dan bahu jalan disusuli dengan keretakan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kekuatan lapisan asas tidak cukup untuk menampung beban trafik seperti di **Gambar 2.14** dan **Gambar 2.15**.

Gambar 2.14
Kerosakan Jenis Shoving



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Uda, Alor Setar,
Daerah Kota Setar
Tarikh: 27 Oktober 2015

Gambar 2.15
Kerosakan Jenis Shoving



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Seri Kedah, Alor Setar,
Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Oktober 2015

- **Kerosakan Struktur Jalan**

Kerosakan struktur jalan juga disebabkan kegagalan struktur pavemen turut terjadi di Jalan Kawasan Perindustrian Tandop di Daerah Kota Setar yang perlu diberi perhatian dan penyenggaraan segera seperti di **Gambar 2.16**.



Gambar 2.16
Kerosakan Struktur Jalan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Tandop,
Daerah Kota Setar
Tarikh: 26 Oktober 2015

2.4.2.3. Penyenggaraan Rutin

- a. Penyenggaraan rutin adalah kerja pembaikan ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal dari segi sifatnya dan penentuan masa pembaikan serta tidak membabitkan kelemahan struktur *pavemen* jalan. Penyenggaraan ini terdiri daripada penyenggaraan *pavemen*, bahu jalan, pemotongan rumput, perabot jalan, pembetung dan jambatan serta longkang sebagaimana digariskan di dalam Manual Senggara Jalan Edisi ke-3 (JKR21601-0008-12). Kerja penyenggaraan rutin ini dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik atau dilaksanakan sendiri oleh kakitangan JKR Kuala Muda dan JKR Pendang. Manakala di JPS Pokok Sena dan MBAS kerja penyenggaraan rutin tidak dilaksanakan kerana peruntukan yang terhad dan hanya diperuntukkan kepada kerja-kerja penyenggaraan berkala.

- b. Lawatan Audit pada bulan Ogos hingga Oktober 2015 ke 10 lokasi melibatkan 5 lokasi di Daerah Kuala Muda iaitu di Jalan Kona Deli/Kg. Sg. Meriam/Bukit Meriam (K640), Jalan Batu 41 Pinang Tunggal/Sidam Kiri (K162), Jalan Kuala Muda Estet/Sg. Division (K621), Jalan Pintas Gurun (Modenas) (K683) dan Jalan Klinik Matang Berangan/Taman Rhu (K626). Manakala, baki 5 lokasi ialah di Daerah Pendang iaitu di Jalan Kg. Lampan/Gajah Putih (K17), Jalan Padang Pusing/Pdg Lembu (K149), Jalan Pendang/Sg. Tiang (K151), Jalan Pendang/Jenun/Pdg. Bongor (K147) dan Jalang Simpang Tobiar/Kubur Panjang (K128). Hasil lawatan Audit mendapati penemuan seperti berikut:

i. **Penyenggaraan Pavemen**

Penyenggaraan *pavemen* melibatkan kerja memperbaiki kerosakan jalan dan menampal *pothole* melalui kaedah *heavy patching*. Kerja ini hendaklah dilaksanakan dengan membuat keratan segi empat 150 mm dari tepi *pothole* yang dibentuk dengan mesin pemotong pavemen dengan kedalaman keratan tidak kurang daripada kedalaman *pothole*. Pemeriksaan Audit mendapati kualiti kerja penyenggaraan pavemen adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat jalan yang mengalami kerosakan dan berlubang serta memerlukan kerja-kerja penyenggaraan pavemen kerana boleh membahayakan pengguna jalan raya. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, semua teguran Audit telah diambil tindakan perbaikan segera oleh JKR.** Permukaan jalan berlubang dan telah diambil tindakan penyelenggaraan adalah seperti di **Gambar 2.17** dan **Gambar 2.18**.

Gambar 2.17
Permukaan Jalan Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kuala Muda Estet/Sg. Division (K621), Daerah Kuala Muda
Tarikh: 18 Oktober 2015

Gambar 2.18
Permukaan Jalan Berlubang Yang Dibaiki



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Kuala Muda Estet/Sg. Division (K621), Daerah Kuala Muda
Tarikh: 20 Disember 2015

ii. Penyenggaraan Perabot Jalan

Perabot jalan adalah objek atau kelengkapan yang dipasang untuk tujuan keselamatan, petunjuk destinasi dan jarak. Contoh perabot jalan adalah seperti papan tanda, bebendul jalan (*kerbs*), *flexipost*, *chevron delineator*, *delineator post*, *kilometer post*, *guardrail*, *roadbarrier*, *traumaticbarrier*, *road stud* dan lampu kecemasan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- **Papan Tanda**

Papan tanda merupakan salah satu perabot jalan yang penting dan berfungsi untuk mengawal, memberi amaran dan sebagai panduan kepada pengguna jalan raya supaya dapat memandu dalam keadaan selesa dan selamat. Antara maklumat yang dipaparkan adalah nama tempat, destinasi, arah, jarak, nombor laluan, amaran bahaya, amaran persimpangan dan lain-lain. Prinsip asas pemasangan papan tanda jalan adalah mudah dilihat pada kelajuan yang ditetapkan, menarik perhatian, mengandungi maklumat yang diperlukan, lokasi pemasangan tidak menyebabkan gangguan kepada pandangan dan keselamatan pemandu. Papan tanda yang rosak, tertanggal, terlindung, kotor dan pudar akan menjejaskan fungsi papan tanda dan mengelirukan pengguna jalan raya untuk memandu dalam keadaan selamat dan selesa. Lawatan Audit bagaimanapun mendapati masih terdapat papan tanda yang terlindung dan rosak adalah seperti di **Gambar 2.19** hingga **Gambar 2.22**. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, kerja penyenggaraan untuk papan tanda terlindung telah dilaksanakan, manakala bagi papan tanda yang rosak, JKR telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan ini dalam tahun 2016.**

Gambar 2.19
Papan Tanda Terlindung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kona Deli/Kg. Sg. Meriam/
Kg. Bkt. Meriam (K640),
Daerah Kuala Muda
Tarikh: 19 Oktober 2015

Gambar 2.20
**Penyenggaraan Papan Tanda
Yang Telah Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Kona Deli/Kg. Sg. Meriam/
Kg. Bkt. Meriam (K640),
Daerah Kuala Muda
Tarikh: 14 Januari 2016

Gambar 2.21
Papan Tanda Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg. Lampan/Gajah Putih
(Kg. Tok Set) (K17), Daerah Pendang
Tarikh: 24 Ogos 2015

Gambar 2.22
Papan Tanda Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Batu 41(Laluan 1/Pinang Tunggal/
Sidam Kiri) (K162), Daerah Kuala Muda
Tarikh: 19 Oktober 2015

- **Guardrail**

Guardrail merupakan salah satu perabot jalan yang digunakan secara meluas untuk keselamatan pengguna jalan raya bagi menghalang kenderaan daripada terbabas dan terjatuh ke dalam gaung/lereng dan sungai. *Guardrail* dipasang di tebing jalan yang curam dan jambatan. *Guardrail* yang rosak dan tertanggal juga akan menjejaskan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Lawatan Audit mendapati terdapat *guardrail* yang telah tertanggal adalah seperti di **Gambar 2.23**. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, pihak Jabatan telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja pembaikan ini dalam tahun 2016.**



Gambar 2.23
Guardrail Tertanggal

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Klinik Matang Berangan/
Taman Rhu (K626), Daerah Kuala Muda
Tarikh: 18 Oktober 2015

- **Kilometer Post**

Kilometer Post (KM Post) merupakan perabot jalan yang dipasang di bahu jalan mengikut kilometer tertentu sebagai panduan kepada pemandu tentang jarak dan nama tempat yang hendak dituju. Bagi memastikan kemudahan ini dapat dimanfaatkan oleh pengguna jalan raya, penyenggaraan KM Post yang dipasang hendaklah sentiasa berada dalam keadaan baik. Pemeriksaan Audit mendapati terdapat KM Post dalam keadaan rosak boleh mengelirukan pengguna adalah seperti di **Gambar 2.24** dan **Gambar 2.25**. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, pihak Jabatan telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja pembaikan ini dalam tahun 2016.**

Gambar 2.24
Kilometer Post Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Batu 41(Laluan 1/Pinang
Tunggal/Sidam Kiri) (K162),
Daerah Kuala Muda
Tarikh: 18 Oktober 2015

Gambar 2.25
Kilometer Post Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg. Lampan/Gajah Putih (K17),
Daerah Pendang
Tarikh: 24 Ogos 2015

- **Chevron Delineator**

Pemasangan *chevron delineator* bertujuan memberi amaran kepada pemandu bahawa terdapat selekoh di hadapan yang perlu diambil perhatian. *Chevron delineator* yang dibina hendaklah menggunakan *retro-reflective sheeting* yang boleh memantulkan cahaya terutama pada waktu malam dan perlu disenggara supaya bersih dan mudah dilihat. Pemeriksaan Audit mendapati terdapat *chevron delineator* yang rosak dan hilang adalah seperti di **Gambar 2.26** dan **Gambar 2.27**. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, pihak Jabatan telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja pembaikan ini dalam tahun 2016.**

Gambar 2.26
Chevron Delineator Rosak Dan Condong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pendang/Jenun/
Padang Bongor (K147), Daerah Pendang
Tarikh: 25 Ogos 2015

Gambar 2.27
Chevron Delineator Hilang




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalang Padang Pusing/
Padang Lembu (K149), Daerah Pendang
Tarikh: 24 Ogos 2015

iii. Penyenggaraan Bahu Jalan

Kerja penyenggaraan bahu jalan melibatkan kerja menggred semula, meninggikan aras bahu jalan, membaiki bahu jalan yang rosak atau berlopak dan mengurangkan perbezaan aras permukaan jalan 10 mm lebih tinggi dari bahu jalan. Semakan Audit mendapati aras permukaan jalan lebih tinggi dari bahu jalan iaitu di Jalan Pendang/Sg. Tiang (K151) dan di Jalan Batu 41 Pinang Tunggal/Sidam Kiri (K162) di mana ketinggian bahu jalan berbanding aras permukaan jalan masing-masing setinggi 180 mm dan 160 mm seperti di **Gambar 2.28** dan **Gambar 2.29**. Keadaan jalan yang tinggi dari bahu jalan boleh menyebabkan tayar kenderaan yang berada di bahu jalan tidak seimbang dan mudah tersangkut dan berisiko untuk berlaku kemalangan. **Mengikut maklum balas JKR bertarikh 28 Januari 2016, pihak Jabatan telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja penyenggaraan bahu jalan pada tahun 2016.**

Gambar 2.28
Aras Permukaan Jalan Lebih Tinggi Dari Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pendang/Sg. Tiang (K151), (Kg. Chegar) Daerah Pendang
Tarikh: 24 Ogos 2015

Gambar 2.29
Aras Permukaan Jalan Lebih Tinggi dari Bahu Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Batu 41(Laluan 1/Pinang Tunggal/Sidam Kiri) (K162), Daerah Kuala Muda

Tarikh: 19 Oktober 2015

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja penyenggaraan berkala dan rutin perlu ditingkatkan kerana masih terdapat jalan dan perabot jalan yang rosak dan belum dibaiki. Semua Jabatan/Agensi Pelaksana hendaklah memastikan kerja-kerja penyenggaraan dirancang dengan teliti dan dilaksanakan sepenuhnya bagi mengelakkan kerosakan menjadi bertambah teruk dan membahayakan keselamatan pengguna.

2.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan penyenggaraan Jalan Negeri adalah baik. Bagaimanapun sebagai langkah penambahbaikan, Jabatan/Agensi Pelaksana yang terlibat iaitu JKR, JPS dan MBAS adalah disyorkan menyelenggara rekod penyenggaraan jalan dengan kemas kini. Tindakan segera hendaklah diambil terhadap kerosakan jalan dan perabot jalan serta memastikan kerja penyenggaraan disiapkan mengikut jadual bagi mengelak kerosakan bertambah teruk dan membahayakan pengguna.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

3. KLPK VENTURES SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. KLPK Ventures Sdn. Bhd. (Ventures) merupakan anak syarikat Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. Ventures dahulunya dikenali sebagai Sayur Perik Padang Terap Sdn. Bhd. telah diperbadankan dan didaftarkan pada 23 November 1996 dengan modal dibenarkan sejumlah RM1.00 juta dan modal berbayar sejumlah RM0.50 juta. Syarikat ini kemudiannya ditukar nama kepada KLPK Ventures Sdn. Bhd. pada September 2009. Aktiviti utama syarikat adalah mengeluarkan baja bio-organik, membekal produk pelindung hujan serta membekal tenaga pekerja untuk ladang-ladang milik Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.

3.1.2. Lembaga Pengarah syarikat terdiri daripada 4 orang ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Kota Siputeh dan 3 orang pengarah lain dari Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.. Pengurusan operasi harian Ventures diurus oleh seorang Pengarah Urusan dengan dibantu oleh 4 orang kakitangan. Pengurusan Ventures adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan serta Prosedur Operasi Standard syarikat.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan urus tadbir korporat adalah memuaskan serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Ventures. Bagi prestasi kewangan, analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan secara perbandingan terhadap Penyata Kewangan beraudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Manakala bagi pengurusan aktiviti utama dan tadbir urus korporat pula, pengauditan dijalankan di pejabat Ventures dengan menyemak dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2013 hingga 2015. Selain itu, temu bual diadakan dengan pegawai dari Ventures bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara berbangkit. *Exit Conference* bersama Pengarah Urusan Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. dan Pengurus Ventures telah diadakan pada 18 Februari 2016 yang turut dihadiri oleh Pengurus Besar Operasi dan Pengurus Kanan Bahagian Pengurusan Kewangan, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Julai sehingga Oktober 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat KLPK Ventures Sdn. Bhd. adalah memuaskan. Bagaimanapun beberapa kelemahan perlu ditambah baik adalah seperti berikut:

- Bagi tahun 2012 hingga 2014, prestasi jualan baja GBM berbanding sasaran ditetapkan adalah di antara 39.1% (RM5.45 juta) hingga 64.4% (RM7.42 juta). Prestasi penjualan produk pelindung hujan menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2012 iaitu 209.1% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun pada tahun 2013 dan 2014, prestasi merosot kepada 29.4% dan 43.1%. Aktiviti membekal tenaga kerja asing mencatatkan prestasi cemerlang iaitu 110.5% pada tahun 2012. Bagaimanapun prestasi pencapaian merosot kepada 61.5% dan 34.9% masing-masing pada tahun 2013 dan 2014.
- Prospek perniagaan Ventures adalah tertumpu pada pasaran di kalangan Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. dan syarikat yang berkaitan dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah sahaja tanpa mencari peluang perniagaan dengan pihak lain seperti Jabatan Kerajaan/Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KLPK Ventures Sdn. Bhd., analisis trend daripada aspek Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi serta Analisis Nisbah Kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

3.4.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

- a. Pendapatan utama Ventures adalah terdiri daripada pendapatan aktiviti penjualan baja organik *Golden Bio Mix*, penjualan produk pelindung hujan dan membekal tenaga pekerja ladang. Pendapatan Ventures bagi tahun 2013 berjumlah RM6.59 juta telah menunjukkan penurunan sejumlah RM2.64 juta atau 28.6% berbanding tahun 2012. Analisis Audit terhadap penyata kewangan syarikat mendapati pengurangan pendapatan pada tahun 2013 adalah disebabkan penurunan hasil aktiviti utama daripada projek baja organik (26.6%), projek tanaman pisang (67.0%), projek membekal tenaga pekerja ladang (45.4%) dan lain-lain pendapatan seperti sewaan, pelbagai, penjualan biji benih kelapa sawit serta lain-lain pendapatan projek baja organik (94.1%). Pendapatan syarikat bagaimanapun telah mencatatkan sedikit peningkatan pada tahun 2014 berjumlah RM84,453 atau 1.3% kepada RM6.67 juta disebabkan peningkatan pendapatan 2 aktiviti utama iaitu penjualan baja organik dan

produk pelindung hujan masing-masing berjumlah RM0.11 juta atau 2.0% dan RM0.32 juta atau 107.0%.


- b.** Analisis Audit terhadap perbelanjaan pada tahun 2012 hingga 2014 mendapati berlaku trend penurunan iaitu masing-masing berjumlah RM7.77 juta, RM6.03 juta dan RM4.92 juta. Perbelanjaan operasi juga menurun pada tahun 2013 dan 2014 berbanding tahun 2012 masing-masing berjumlah RM4.92 juta atau 27.4% dan RM4 juta atau 41%. Penurunan perbelanjaan ini disebabkan pengurangan kos kesemua projek kecuali kos projek produk pelindung hujan yang meningkat sejumlah RM71,857 atau 42.4% pada tahun 2013 dan RM91,394 atau 37.9% pada tahun 2014. Penurunan perbelanjaan operasi yang ketara pada tahun 2014 adalah disebabkan penamatan projek tanaman pisang.
- c.** Analisis Audit terhadap Untung/Rugi bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati Ventures memperoleh Keuntungan Bersih Sebelum Cukai pada tahun 2012 berjumlah RM1.62 juta. Jumlah ini menurun kepada RM574,122 pada tahun 2013 dan meningkat semula kepada RM1.76 juta pada tahun 2014. Keuntungan Sebelum Cukai telah mengalami penurunan sebanyak 64.8% atau RM1.05 juta pada tahun 2013 dan kenaikan sebanyak 8.6% atau RM144,019 pada tahun 2014 berbanding tahun 2012. Keuntungan tahun 2013 terjejas berikutan pertambahan susut nilai Harta, Loji Dan Peralatan sebanyak 101.8% atau RM203,072 serta 100% atau RM165,271 daripada perbelanjaan baru iaitu Pelunasan Aset Biologikal. Keuntungan pada tahun 2014 kemudiannya bertambah disebabkan tiada lagi perbelanjaan Pelunasan Aset Biologikal, pengurangan kos operasi berjumlah RM978,999 dan kenaikan penjualan produk pelindung hujan berjumlah RM91,394. Bagaimanapun pertambahan keuntungan ini sedikit terjejas berikutan wujudnya peruntukan hutang lapuk dan faedah persaraan masing-masing berjumlah RM143,785 dan RM17,722. Kedudukan Kerugian Terkumpul Ventures dari tahun 2012 hingga 2013 masing-masing berjumlah RM1.61 juta dan RM1.28 juta. Manakala sehingga 31 Disember 2014, Keuntungan Terkumpul berjumlah RM0.03 juta.
- d.** Kedudukan prestasi kewangan KLPK Ventures Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	9.23	6.59	6.67
Lain-lain Pendapatan	0.16	0.01	0.01
Jumlah Pendapatan	9.39	6.60	6.68
Perbelanjaan Operasi	6.78	4.92	4.00
Perbelanjaan Am	0.98	1.10	0.91
Kos Kewangan	0.01	0.01	0.01
Jumlah Perbelanjaan	7.77	6.03	4.92
Keuntungan Sebelum Cukai	1.62	0.57	1.76
Cukai	0.09	0.24	0.45
Keuntungan Selepas Cukai	1.53	0.33	1.31
Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul	-1.61	-1.28	0.03


Sumber: Penyata Kewangan KLPK Ventures Sdn. Bhd.

Carta 3.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai
Dan Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan KLPK Ventures Sdn. Bhd.

Carta 3.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan KLPK Ventures Sdn. Bhd.

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis Audit telah dijalankan terhadap 5 nisbah kewangan iaitu Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset, Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti dan Nisbah Hutang. Hasil analisis nisbah kewangan ke atas butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan KLPK Ventures Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan Ventures
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2012	2013	2014
1	Nisbah Semasa	0.65:1	0.73:1	0.99:1
2	Margin Untung Bersih	16.6	5.1	19.7
3	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.28:1	0.07:1	0.24:1
4	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	3.06:1	0.68:1	2.64:1
5	Nisbah Hutang	24.86	12.67	5.34

Sumber: Penyata Kewangan KLPK Ventures Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang jangka pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah ini semakin baik kecairan syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa Ventures bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah tidak memuaskan iaitu masing-masing pada kadar 0.65:1, 0.73:1 dan 0.99:1. Ini menunjukkan kemampuan aset semasa syarikat untuk ditukar kepada tunai dengan kadar segera adalah rendah kerana tidak berupaya menampung liabiliti semasa walaupun trend pengukuran menaik bagi tempoh tersebut. Tahap kecairan yang rendah disebabkan jumlah pendahuluan daripada perbadanan induk utama telah meningkat 2,505.2% pada tahun 2014 dan 2,622.8% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 walaupun liabiliti semasa berkurangan. Pengurangan liabiliti semasa pula disebabkan pengurangan jumlah pendahuluan daripada syarikat induk namun masih melebihi jumlah aset semasa yang tidak banyak berubah.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih mengukur keberkesanan aktiviti dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, margin yang lebih tinggi adalah lebih baik. Pihak Audit berpendapat Margin Untung Bersih Ventures pada tahun 2012 hingga 2014 adalah memuaskan iaitu pada kadar 16.6%, 5.1% dan 19.7%. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2012 hingga 2013, margin untung bersih syarikat menunjukkan penurunan iaitu daripada 16.6% kepada 5.1% pada tahun 2013 dan meningkat semula kepada 19.7% pada tahun 2014. Peningkatan margin untung bersih pada tahun 2014 disebabkan oleh Projek Pelindung Hujan yang memperoleh keuntungan tiga tahun berturut-turut dari tahun 2012 hingga 2014 masing-masing berjumlah RM60,175, RM55,118 dan RM286,705. Penurunan margin keuntungan pada tahun 2013 disebabkan oleh kerugian dari Projek Tanaman Halia dan Tanaman Pisang.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2012 hingga 2014 adalah antara 0.07:1 hingga 0.28:1. Ini menunjukkan bagi setiap ringgit yang dilaburkan atas aset, Ventures telah mencatatkan keuntungan berjumlah 28 sen pada tahun 2012, 7 sen pada tahun 2013 dan 24 sen pada tahun 2014.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti ialah mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, menggambarkan syarikat lebih cekap menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati pulangan pelaburan daripada ekuiti Ventures adalah antara 0.68:1 hingga 3.06:1 iaitu setiap ringgit yang dilaburkan dalam ekuiti Syarikat telah memberi pulangan antara RM0.68 hingga RM3.06.

e. Nisbah Hutang

Analisa nisbah hutang dibuat dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat untuk menilai kestabilan syarikat. Mengikut piawaian industri, syarikat boleh dianggap kurang bergantung kepada pinjaman jika peratus nisbah hutang kurang daripada 50 peratus. Ini menunjukkan Ventures dapat meneruskan operasi tanpa bergantung kepada pinjaman luar.

- f. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, Ventures telah memulakan operasi tanpa suntikan modal tunai daripada syarikat induk Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.. Pembiayaan pendahuluan hanyalah dalam bentuk modal kerja dari syarikat induk yang dibayar balik apabila projek telah memberikan keuntungan yang positif. Keuntungan yang diperolehi adalah merupakan hasil sampingan kepada pengurangan kos atas pembelian baja dan peralatan sokongan pertanian daripada Ventures.**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan KLPK Ventures Sdn. Bhd. bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan 3 tahun berturut-turut. Mulai tahun 2014, Ventures telah mula mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM35,272.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama KLPK Ventures Sdn. Bhd. mengeluarkan dan membekal baja organik *Golden Bio Mix* untuk komoditi getah dan kelapa sawit, membekal produk pelindung hujan bagi pokok getah dan membekal tenaga pekerja asing untuk ladang-ladang milik Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd..

3.4.2.1. Prestasi Pencapaian Aktiviti Utama

- a. Sasaran pendapatan bagi setiap aktiviti telah ditetapkan dan menjadi penanda aras terhadap prestasi syarikat. Semakan Audit mendapati prestasi pencapaian aktiviti sebenar Ventures berbanding sasaran pendapatan bagi tahun 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Prestasi Pencapaian Aktiviti Sebenar Berbanding Sasaran Pendapatan
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Aktiviti	Sasaran	Pendapatan	Prestasi
		(RM Juta)		(%)
2012				
1	Baja Organik <i>Golden Bio Mix</i>	11.52	7.42	64.4
2	Produk Pelindung Hujan	0.11	0.23	209.1
3	Membekal Tenaga Pekerja Asing (TKA)	1.33	1.47	110.5
Jumlah		12.96	9.12	70.4
2013				
1	Baja Organik <i>Golden Bio Mix</i>	13.95	5.45	39.1
2	Produk Pelindung Hujan	1.02	0.30	29.4
3	Membekal Tenaga Pekerja Asing (TKA)	1.30	0.80	61.5
Jumlah		16.27	6.55	40.3
2014				
1	Baja Organik <i>Golden Bio Mix</i>	9.20	5.56	60.4
2	Produk Pelindung Hujan	1.44	0.62	43.1
3	Membekal Tenaga Pekerja Asing (TKA)	1.40	0.49	35.0
Jumlah		12.04	6.67	55.4

Sumber: KLPK Ventures Sdn. Bhd.

- b. Analisis Audit terhadap **Jadual 3.3** mendapati pencapaian prestasi pengeluaran dan pembekalan baja organik *Golden Bio Mix* tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 64.4%, 39.1% dan 60.4% bagi tahun 2012 hingga 2014. Prestasi pengeluaran dan pembekalan baja bergantung pada permintaan ladang. Sasaran ditetapkan tidak dapat dicapai berikutan projek tanaman semula getah dan kelapa sawit dalam tempoh tersebut menyebabkan permintaan baja menurun. Manakala prestasi penjualan produk pelindung hujan menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2012 iaitu 209.1% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun pada tahun 2013 dan 2014, prestasi merosot kepada 29.4% dan 43.1%. Pada tahun 2012, aktiviti membekal tenaga kerja asing mencatatkan prestasi cemerlang iaitu 110.5%, bagaimanapun merosot kepada 61.5% dan 35.0% masing-masing pada tahun 2013 dan 2014. Secara keseluruhannya pada tahun 2012 hingga 2014 prestasi pencapaian sebenar Ventures tidak mencapai sasaran ditetapkan iaitu RM9.12 juta (70.4%), RM6.55 juta (40.3%) dan RM6.67 juta

(55.4%) berbanding sasaran pendapatan sejumlah RM12.96 juta, RM16.27 juta dan RM12.04 juta bagi tempoh tersebut.

3.4.2.2. Pengurusan Kilang Baja Bio Organik

Kilang Baja Bio Organik Ladang Sungai Ular (SUBOR), Kulim adalah di bawah pengurusan KLPK Ventures Sdn. Bhd.. Kilang ini yang siap dibina pada 15 September 2010 mempunyai kapasiti pengeluaran baja sebanyak 9,000 metrik tan setahun. Kilang ini menghasilkan baja jenama *Golden Bio Mix* (GBM) untuk tanaman kelapa sawit dan getah dalam bentuk serbuk (*powdered*) dan butiran (*granular*). Pada peringkat permulaan pengeluaran baja GBM, baja butiran dibeli daripada sebuah syarikat swasta dan dibekalkan kepada ladang-ladang. Mulai bulan Oktober tahun 2012, Kilang SUBOR menghasilkan sendiri baja butiran. Bagaimanapun, pengeluaran baja butiran telah dihentikan pada bulan Oktober 2013 kerana kurang permintaan dari ladang bagi baja jenis ini. Baja GBM jenis serbuk pula dikilangkan sendiri dari awalnya dan dipasarkan ke ladang milik Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan ladang swasta yang diuruskan oleh Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.. Baja GBM yang dikeluarkan untuk tanaman kelapa sawit dan getah adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Baja GBM Untuk Kelapa Sawit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Baja Bio Organik Ladang
Sungai Ular, Kulim
Tarikh: 6 Julai 2015

Gambar 3.2
Baja GBM Untuk Pokok Getah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Baja Bio Organik Ladang
Sungai Ular, Kulim
Tarikh: 6 Julai 2015

a. Prestasi Pengeluaran Baja Golden Bio Mix Tidak Secara Optimum

- i. Kilang Baja Bio Organik berkapasiti memproses sebanyak 9,000 metrik tan baja GBM setahun bermula daripada tarikh operasi pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati anggaran pengeluaran bagi tahun 2012 dan 2013 tidak ditetapkan manakala pada tahun 2014, anggaran pengeluaran yang ditetapkan adalah sebanyak 6,500 metrik tan. Peratusan pengeluaran sebenar baja GBM pada tahun 2014 berbanding anggaran pengeluaran yang ditetapkan adalah 62.8%. Analisis Audit mendapati peratusan pengeluaran berbanding kapasiti tahunan

bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 masing-masing sebanyak 79.4%, 69.0% dan 45.4% adalah tidak memuaskan kerana kilang hanya beroperasi secara optimum dengan pengeluaran sebanyak 30 metrik tan sehari selama 9 bulan sahaja. Peratusan pengeluaran berbanding kapasiti tahunan semakin menurun dan prestasi pengeluaran bagi tahun 2014 berbanding kapasiti tahunan di bawah 50.0%. Peratusan pengeluaran berbanding kapasiti dan anggaran bagi tahun 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Peratusan Pengeluaran Berbanding Kapasiti Dan Anggaran
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Kapasiti Tahunan	Anggaran Pengeluaran	Pengeluaran Sebenar	Peratusan Pengeluaran Berbanding Anggaran	Peratusan Pengeluaran Berbanding Kapasiti Tahunan
	(Metrik Tan)	(Metrik Tan)	(Metrik Tan)	(%)	(%)
2012	9,000	Tiada	7149.48	Tidak dapat ditentukan	79.4
2013	9,000		6206.18		69.0
2014	9,000	6500	4082.26	62.8	45.4

Sumber: Kilang Baja Bio Organik Ladang Sungai Ular, Kulim

- ii. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, operasi kilang pada masa sekarang hanya tertumpu kepada bekalan baja ke ladang-ladang yang diurus sendiri serta bergantung sepenuhnya kepada permintaan semasa ladang.**

b. Prestasi Penjualan Baja Golden Bio Mix

- i. Sasaran tahunan jualan baja GBM adalah bergantung kepada permintaan dan kontrak yang diperolehi menerusi ladang-ladang Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. Analisis Audit mendapati prestasi jualan tahun 2012, mencapai 64.4% manakala pada tahun 2013 jualan menurun kepada 39.1% dari sasaran ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi jualan pada tahun 2014 telah meningkat kepada 60.4% berbanding tahun 2013. Laporan Belanjawan dan Laporan Jualan bagi 3 tahun tersebut menunjukkan purata penjualan baja GBM hanya mencapai sasaran sebanyak 53.1%. Sasaran dan pencapaian jualan baja GBM bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Sasaran Dan Pencapaian Jualan Baja Golden Bio Mix
Bagi Tahun 2012 Sehingga 2014

Tahun	Sasaran (RM Juta)	Pencapaian	
		(RM Juta)	(%)
2012	11.53	7.42	64.4
2013	13.95	5.45	39.1
2014	9.20	5.56	60.4
Jumlah	34.68	18.43	53.1

Sumber: KLPK Ventures Sdn.Bhd.

- ii. Mengikut Amalan Terbaik setiap pengeluaran perlu memberi pulangan yang maksimum bagi memastikan keuntungan syarikat. Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan Pengeluaran dan Penghantaran Baja GBM Kilang SUBOR dan Penyata Pendapatan Beraudit KLPK Ventures Sdn. Bhd. mendapati penjualan baja GBM bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 hanya sebanyak 78.5% bersamaan RM18.43 juta. Baki baja yang tidak terjual akan dibawa ke hadapan sebagai stok. Bagi tahun 2013, penjualan baja ialah sebanyak 58.7% sahaja daripada jumlah pengeluaran sebenar disebabkan kesan penebangan pokok getah dan kelapa sawit yang meningkat menyebabkan kurang permintaan baja. Butiran berkaitan penjualan baja berbanding pengeluaran adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Penjualan Dan Pengeluaran Baja Golden Bio Mix

Tahun	Pengeluaran Sebenar (Metrik Tan)	Penjualan		Peratus (%)
		(Metrik Tan)	(RM Juta)	
2012	7,149.48	6,057.545	7.42	84.7
2013	6,206.18	3,640.105	5.45	58.7
2014	4,082.26	3,993.670	5.56	97.8
Jumlah	17,437.92	13,691.320	18.43	78.5

Sumber: Kilang Baja Bio Organik Ladang Sungai Ular, Kulim

c. Pengurusan Stok Baja Dan Bahan Mentah

Mengikut amalan terbaik seperti dinyatakan dalam Tatacara Pengurusan Stor, tempat penyimpanan yang sesuai adalah dengan mengambil kira jenis stok tertentu. Stok memerlukan cara penyimpanan yang berbeza berdasarkan kepada jenis, bahan kandungan atau pembuatannya dan keadaan fizikalnya. Peraturan-peraturan penyimpanan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi bagi mengekalkan kualiti stok. Semakan Audit mendapati:

- i. Stok ada diletakkan di atas *pallet* bagi mengekalkan kualiti dan memudahkan pengalihan stok seperti di **Gambar 3.3**. Bagaimanapun terdapat sebilangan stok baja GBM dan stok bahan mentah yang disusun tanpa penggunaan *pallet* seperti **Gambar 3.4**. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, pihak pengurusan mengambil maklum tentang perkara ini.**
- ii. Stok baja rosak yang dipulangkan oleh ladang disimpan bersama stok GBM dan stok bahan mentah adalah seperti di **Gambar 3.5**. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, kualiti baja yang dihantar dijamin kualitinya. Guni-guni yang rosak ini akan ditukarkan dengan guni yang baru sebelum dihantar ke ladang-ladang.**

Gambar 3.3
Penyimpanan Stok Mematuhi Peraturan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Baja Bio Organik
Ladang Sungai Ular, Kulim
Tarikh: 6 Julai 2015

Gambar 3.4
Penyimpanan Stok Tanpa Pallet



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Baja Bio Organik
Ladang Sungai Ular, Kulim
Tarikh: 6 Julai 2015



Gambar 3.5
Stok Baja Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Baja Bio Organik
Ladang Sungai Ular, Kulim
Tarikh: 6 Julai 2015

3.4.2.3. Prestasi Pembekalan Produk Pelindung Hujan Bagi Pokok Getah

- a. Produk pelindung hujan bagi pokok getah dikenali sebagai *Tapping Panel Shade* (TPS) adalah hasil inovatif kakitangan Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. telah mendapat pengiktirafan oleh Lembaga Getah Malaysia serta memenangi Anugerah Inovasi Kategori Agensi Pelaksana pada tahun 2012. TPS dikeluarkan pada tahun 2011 dan mula dipasang pada tahun 2012 di sekitar Ladang Getah Bukit Nguan serta Ladang Bukit Perak Utara dan Selatan. TPS diperbuat daripada bahan PVC dan dikeluarkan dalam 2 saiz iaitu 28 inci dan 38 inci masing-masing berharga RM4.50 dan RM6.50 seunit. TPS dipasang di atas panel torehan untuk mengelakkan panel torehan daripada basah semasa hujan. Produk TPS merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada pendapatan Ventures sejak ianya dipasarkan di mana telah mencatatkan keuntungan selama 3 tahun berturut-turut bagi tahun 2012 hingga 2014. Pemasaran produk TPS dijalankan oleh Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.. Produk pelindung hujan dan kegunaannya adalah seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**.

Gambar 3.6
Produk Pelindung Hujan
Bagi Pokok Getah
(Tapping Panel Shade)



Sumber: Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.

Gambar 3.7
Produk Pelindung Hujan
Di Pasang Di Pokok Getah



Sumber: Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.

- b. Berdasarkan prestasi keuntungan TPS, Ventures memperoleh keuntungan bagi tiga tahun berturut-turut dari tahun 2012 hingga 2014 masing-masing berjumlah RM60,175, RM55,118 dan RM286,705. Pada tahun 2013, syarikat memperoleh keuntungan berjumlah RM55,118 iaitu penurunan sejumlah RM5,057 atau 8.4% daripada keuntungan tahun 2012 berjumlah RM60,175. Manakala bagi tahun 2014, keuntungan Ventures melonjak naik sebanyak 420.2% daripada keuntungan tahun 2013 berjumlah RM55,118 kepada RM286,705. Analisis Audit mendapati peningkatan keuntungan pada tahun 2014 adalah disebabkan peningkatan harga produk TPS. Butiran lanjut di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Prestasi Keuntungan Produk Pelindung Hujan *Tapping Panel Shade*
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun 2012 (RM)	Peningkatan/ (Penurunan)		Tahun 2013 (RM)	Peningkatan/ (Penurunan)		Tahun 2014 (RM)
		(RM)	(%)		(RM)	(%)	
Pendapatan	233,993	67,477	28.8	301,470	321,629	106.7	623,099
Perbelanjaan	173,818	72,534	41.7	246,352	90,042	36.6	336,394
Keuntungan	60,175	-5,057	-8.4	55,118	231,587	420.2	286,705

Sumber: KLPK Ventures Sdn. Bhd.

- c. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, aktiviti ini telah memberikan keuntungan secara mampan kepada syarikat selama 3 tahun berturut-turut. Selain daripada ladang-ladang di bawah pengurusan, alatan ini dijual juga kepada pihak Felcra serta beberapa pihak swasta dan pekebun kecil. Produk ini dijangka mengalami kemerosotan jualan atas sebab penurunan harga getah yang sangat drastik dan berada pada paras harga tidak selesa.**

3.4.2.4. Pengurusan Membekal Tenaga Pekerja Ladang

Mengikut surat arahan bertarikh 14 April 2011 oleh Pengarah Urusan Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd., KLPK Ventures Sdn. Bhd. telah dilantik untuk menguruskan kontrak membekal tenaga pekerja ladang bagi torehan, tuaian dan penyelenggaraan ladang. Menurut surat tersebut mulai 1 Mei 2011, KLPK Ventures Sdn. Bhd. dilantik secara rasmi untuk menguruskan kontrak tersebut menggunakan kuota pekerja asing yang diberi kepada Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.. Di samping itu surat tersebut menyatakan Ventures boleh melantik atau mengambil alih kontrak-kontrak sedia ada di ladang atau yang dijalankan oleh kontraktor bagi tujuan menjaga kepentingan pekerja dan ladang-ladang yang berkaitan. Yuran pengurusan yang ditetapkan oleh pihak Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. berasaskan kadar harga getah SMR20 dan CPO kelapa sawit semasa bagi setiap bulan. Mulai Disember 2011, sebanyak 20% pekerja ladang torehan dan tuaian diuruskan oleh Ventures manakala 80% diuruskan oleh kontraktor. Ventures dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan urusan pengambilan dan penempatan serta penghantaran pulang tenaga kerja asing dari Negara Indonesia, Kemboja, India, Pakistan, Bangladesh dan Myanmar.

a. Deposit Kontraktor TKA Tidak Diperakaunkan Ke Akaun Ventures

Mengikut syarat perjanjian, klausa 4.1 kontraktor bertanggungjawab menandatangani kepada pihak Ventures sejumlah RM50/hektar untuk kawasan yang ditawarkan kontrak setahun atau potongan bulanan sebanyak 5.0% daripada jumlah (RM) hasil bulanan. Deposit tersebut akan dikembalikan kepada kontraktor tanpa faedah setelah tamat perjanjian ini sekiranya tidak terdapat apa-apa pelanggaran terma dan syarat. Semakan Audit terhadap Lejar Ventures mendapati syarat perjanjian ini tidak dipatuhi di mana tiada deposit diperakaunkan. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, deposit kontraktor tidak diperakaunkan ke Akaun Ventures disebabkan persetujuan bersama kedua-dua pihak untuk menyetepikan syarat pembayaran deposit kerana kontraktor tidak mampu membuat pembayaran tersebut disebabkan kos yang tinggi.**

b. Klausa Perjanjian Di Antara KLPK Ventures Sdn. Bhd. Dengan Pembekal TKA

Semakan Audit terhadap dokumen perjanjian dengan pembekal mendapati perkara seperti berikut:

- i. Klausa berkenaan tempoh perjanjian bagi pembekal tenaga kerja asing kontraktor Mohamad Hafizi Bin Hashim tidak dinyatakan dengan jelas maksudnya dan mengelirukan. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, tempoh tidak dinyatakan atas persetujuan kedua-dua pihak pada masa tersebut.**

- ii. Klausula berkenaan bilangan pekerja asing dibekalkan tidak dinyatakan di perjanjian bagi pembekal tenaga kerja asing Ahmad Rofi'i @ Roby dan Lion Moo Star Enterprise. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, bilangan pekerja tidak dinyatakan kerana jumlah sebenar tidak dapat dipastikan oleh Pembekal dan keperluan membekal bergantung kepada kekosongan dari semasa ke semasa.**
- iii. Klausula berkenaan bayaran pengurusan bagi pembekal tenaga kerja asing Lion Moo Star Enterprise adalah merujuk kepada Lampiran 1, Jadual Kadar Bayaran di dokumen perjanjian. Ventures akan membayar kepada pembekal sebanyak RM3.00 sehari bagi seorang pekerja. Bayaran komisen kemasukan pekerja sebanyak RM300 bagi setiap pekerja akan dibayar kepada pembekal setelah 3 bulan daripada tarikh kemasukan. Jumlah bayaran adalah berdasarkan kepada jumlah pekerja yang masih bekerja selepas 3 bulan. Bayaran pengurusan yang dikenakan kepada pihak ladang tidak sepatutnya dinyatakan dalam dokumen perjanjian di antara Ventures dengan pembekal sebaliknya satu perjanjian lain hendaklah diikat dengan pihak ladang. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, Ventures mengambil maklum isu bayaran pengurusan antara Ventures dan ladang serta tindakan untuk memperkemas syarat perjanjian akan diambil.**

c. Bayaran Balik Kos Terlibat Bagi Pekerja Asing Melarikan Diri

Mengikut syarat pembekalan tenaga kerja asing dengan pembekal yang dilantik, pembekal yang menguruskan kemasukan pekerja asing adalah bertanggungjawab selama tempoh jaminan 90 hari daripada tarikh kemasukan pekerja. Sekiranya pekerja melarikan diri dalam tempoh jaminan tersebut, pembekal berkenaan perlu membayar kembali segala kos yang terlibat kepada syarikat. Majikan bertanggungjawab melaporkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya pekerja asing melarikan diri dari tempat sepatutnya dia bekerja. Syarat ini terpakai bagi pekerja asing yang dibawa oleh 3 pembekal TKA. Semakan Audit mendapati pada tahun 2012 hingga 2014, sejumlah 13 orang pekerja asing telah melarikan diri dalam tempoh 90 hari sementara 13 orang selepas tempoh 90 hari. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pembekal membayar balik semua kos yang terlibat bagi kes pekerja asing melarikan diri dalam tempoh 90 hari kepada Ventures kerana tiada dokumen berkaitan dikemukakan kepada Audit. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, sekiranya pekerja asing melarikan diri dalam tempoh 90 hari, bayaran kos yang terlibat yang sepatutnya dibayar balik oleh pembekal akan ditolak dengan kos bayaran pembekal di mana bayaran kepada Pembekal hanya akan dibayar selepas 90 hari.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya aktiviti yang dijalankan oleh KLPK Ventures Sdn. Bhd. adalah memuaskan. Aktiviti membekal produk pelindung hujan

memberi pulangan yang baik. Bagaimanapun, prospek perniagaan syarikat adalah terhad kepada Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. dan syarikat yang berkaitan dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah sahaja tanpa mencari peluang perniagaan dengan pihak lain. Bagi aktiviti pembekalan tenaga pekerja asing pula, beberapa kelemahan dalam syarat perjanjian perlu diperkemas.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab.

3.4.3.1. Lembaga Pengarah

Pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat subsidiari hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Selain itu, pekeling juga menetapkan ahli lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan syarikat tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu. Semakan Audit mendapati Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Kota Siputeh telah dilantik sebagai pengerusi berkuat kuasa mulai 1 September 2013 selaras dengan amalan terbaik para 1.1.3 Buku Hijau. Pelantikan Lembaga Pengarah Ventures adalah termasuk 3 orang Pengarah Eksekutif iaitu Pengarah Urusan, Pengurus Besar dan Pengurus Pemasaran yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk.

3.4.3.2. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Mengikut amalan terbaik, Lembaga Pengarah perlulah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Ventures telah bermesyuarat sebanyak 2 kali bagi tahun 2012, sekali pada tahun 2013 dan sekali tahun 2014.

3.4.3.3. Unit Audit Dalam Dan Jawatankuasa Audit

Unit Audit Dalam tidak diwujudkan di Ventures. Bagi memastikan wujudnya *check and balance* dalam pengurusan kewangan, Ventures diaudit oleh UAD Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. dan UAD Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. Laporan Audit Dalam oleh UAD Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. telah dikeluarkan pada 28 September 2012. UAD Perbadanan Kemajuan Negeri

Kedah juga telah melaksanakan pengauditan pada September 2012 disusuli dengan Auditan Susulan pada Mac 2013 serta Auditan Khas pada Julai 2013. Laporan Audit dari UAD Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah.

3.4.3.4. Strategi Dan Rancangan Korporat Serta *Standard Operating Procedures*

Bagi tempoh tahun pengauditan 2012 hingga 2014, Ventures ada menyediakan Strategi dan Rancangan Korporat bagi matlamat jangka pendek dan jangka panjangnya. Bagaimanapun, Ventures tidak mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) sendiri sebaliknya mengguna pakai *Standard Operating Procedures* (SOP) yang dikeluarkan oleh Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, penambahbaikan pelaksanaan dalam strategi dan rancangan korporat akan dilakukan bagi memastikan Ventures mengikut amalan terbaik untuk mencapai matlamat syarikat bagi tempoh yang ditetapkan. Aktiviti syarikat akan dirancang secara sistematik untuk memastikan aktiviti perniagaan pada masa hadapan dapat dijalankan dengan sempurna.**

3.4.3.5. Pembayaran Dividen

Ventures tidak membuat pembayaran dividen kepada Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. walaupun syarikat memperoleh keuntungan pada tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun, bagi tahun 2014 pembayaran dividen berjumlah RM200,000 telah dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.1/2014. **Berdasarkan maklum balas Ventures bertarikh 18 Februari 2016, pembayaran dividen diputuskan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah syarikat induk KLPK. Bagaimanapun atas pertimbangan bahawa Ventures baharu sahaja memulakan perniagaan maka dividen hanya diluluskan bermula dari tahun 2014 sebanyak RM200,000.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat KLPK Ventures Sdn. Bhd. adalah memuaskan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat KLPK Ventures Sdn. Bhd. (Ventures) pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

3.5.1. Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau projek yang dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan rapi bagi memastikan objektif dicapai dan dapat dimanfaatkan seperti yang disasarkan.

3.5.2. Pihak Pengurusan hendaklah memastikan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang disemak semula dan ditambah baik bagi menentukan aktiviti utama Ventures dapat dijalankan dengan sempurna dan menepati hala tuju syarikat. Di samping itu, Ventures perlu menyediakan prosedur operasi yang standard bagi memastikan pengurusan aktiviti dibuat dengan lebih teratur dan konsisten. Ventures hendaklah juga mengoptimumkan pengeluaran baja berdasarkan kapasiti kilang sedia ada dan memperluaskan penjualan baja kepada ladang-ladang luar bagi memberi pulangan yang berterusan kepada Ventures dan syarikat induknya.



BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4.1. PENDAHULUAN

4.1.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

4.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

4.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2015, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

4.2.1. Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyediakan aplikasi telefon pintar - Menyemak Status Permohonan yang menggunakan platform *Android* bertujuan memudahkan orang ramai untuk menyemak status permohonan bantuan zakat sama ada melibatkan permohonan tahun semasa atau pun tahun sebelumnya.

4.2.2. Lembaga Zakat Negeri Kedah telah mewujudkan sistem aduan yang dikenali sebagai *Cyber Troopers* di mana semua aduan yang diterima menerusi panggilan telefon, akhbar dan laman sosial seperti *Facebook* dan *WhatsApp* akan diambil tindakan sama ada secara siasatan atau maklum balas bertulis di *Facebook*. Tindakan siasatan dibuat kurang dari 5 jam manakala tindakan maklum balas bertulis dibuat kurang 2 hari dari tempoh aduan diterima.

4.2.3. Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyediakan aplikasi Telegram - Zakat Kedah yang berfungsi bagi memudahkan orang ramai mengetahui maklumat dan infomasi terkini mengenai kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dari semasa ke semasa.

4.2.4. Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyediakan perkhidmatan penjanaan Borang Permohonan Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan dan Derma Siswa Pelajar Cemerlang (UPSR) secara *online* bagi memudahkan pemohon mendapatkan borang permohonan tanpa perlu hadir di cawangan-cawangan Pejabat Zakat Negeri Kedah.

4.2.5. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah telah menubuhkan Jawatankuasa Perolehan di peringkat Jabatan bagi memantau dan membuat keputusan untuk setiap perolehan di bawah RM20,000.

4.2.6. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah dan Majlis Daerah Yan telah mewujudkan Unit Audit Dalam di peringkat Jabatan/Agensi bagi memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

4.2.7. Majlis Daerah Yan telah mengguna pakai Pekeliling 1PP bagi keseluruhan pengurusan kewangan termasuk Pengurusan Aset Dan Stor.

4.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

4.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Inventori Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

4.3.2. Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperolehi. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 4.1** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.1
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 4.2
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 4.4.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 4.4.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan.
- 4.4.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 4.4.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 16 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan berdasarkan pusingan. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014/2015 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

4.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 10 Jabatan Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi 6 Agensi Negeri pula selain 8 elemen kawalan di atas (tidak termasuk Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Kenderaan), kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

4.6.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

4.6.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai

bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.

- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

4.6.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Senarai Tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan Dalaman (seperti yang ditetapkan di bawah AP 308) dijalankan dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya, bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

4.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah

diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

1PP PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

4.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama

kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

4.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan di Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2014 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2015 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lain, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

4.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 1 Tahun 2015 (Garis Panduan Bagi Mengurus Peruntukan Dan Perbelanjaan Di Bawah Bajet 2015) antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

4.6.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

4.6.2.4. Analisis Bajet

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak

melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), 1PP PB 2.5 dan 1PP PB 2.6 ada berkaitan.

4.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

4.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

4.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan Internet serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

4.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

4.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

4.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

4.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

4.6.4.1. Perancangan Perolehan

1PP PK 2 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

4.6.4.2. Kaedah Perolehan

1PP PK 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

4.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

4.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

4.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

4.6.6. Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

4.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian.

4.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.2.

4.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

4.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

4.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP AM 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

4.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan

kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

4.6.7.3. Pendaftaran

1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

4.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. 1PP AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6 ada berkaitan.

4.6.7.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5 adalah berkaitan.

4.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

4.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperolehi.

4.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

4.6.8.1. Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan.

4.6.8.2. Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan.

4.6.8.3. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad.

4.6.8.4. Kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

4.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

4.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

4.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

4.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan


Keperluan penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009. Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

4.7. PENEMUAN AUDIT

4.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 16 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil pengauditan tersebut mendapati 6 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap cemerlang dengan diberi penarafan 5 Bintang, 2 Jabatan Negeri berada pada tahap baik dengan penarafan 4 Bintang, 6 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan dengan penarafan 3 Bintang dan 2 Jabatan Negeri berada pada tahap kurang memuaskan dengan penarafan 2 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap tidak memuaskan iaitu satu Bintang. Bilangan Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap cemerlang (5 bintang atau 90 markah ke atas) pada tahun 2015 adalah 6 berbanding 5 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 4.1**.

Carta 4.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan
Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

4.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

4.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Analisis Audit terhadap tahap pematuhan ke atas elemen-elemen kawalan utama mendapati bagi Kawalan Bajet kesemua 10 Jabatan mencapai tahap cemerlang. Bagi Pengurusan Terimaan sebanyak 9 Jabatan telah mencapai tahap cemerlang manakala satu Jabatan pada tahap memuaskan. Bagi Kawalan Perbelanjaan pula, 6 Jabatan mencapai tahap cemerlang dan 4 Jabatan pada tahap baik. Manakala bagi Kawalan Pengurusan; Kawalan Perolehan; Pengurusan Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Kerajaan Dan Stor; dan Pengurusan Kenderaan, masih terdapat Jabatan yang memperolehi tahap tidak memuaskan. Kedudukan tahap pematuhan bagi setiap kawalan di 10 Jabatan Negeri adalah seperti di **Carta 4.2**.

Carta 4.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan
Mengikut Kawalan Utama Bagi 10 Jabatan Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 2 Jabatan tidak berkaitan bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit

b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui berhubung dengan Kawalan Pengurusan; Kawalan Perolehan; Pengurusan Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Kerajaan Dan Stor; dan Pengurusan Kenderaan di Jabatan Negeri adalah seperti berikut:

i. Kawalan Pengurusan

- Penurunan kuasa secara bertulis tidak diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan.
- Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sebaliknya dijalankan oleh pegawai yang dilantik.
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan dan perkara yang dibincangkan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

ii. Kawalan Perolehan

- Pembelian Terus dibuat bagi perolehan yang melebihi RM20,000.
- Pelantikan secara bertulis kepada pegawai yang terlibat dalam proses sebut harga tidak dilaksanakan.
- Daftar Kontrak tidak disediakan dan pegawai yang menandatangani kontrak tidak diberi kuasa secara bertulis.

iii. Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit

- Lejar Pinjaman Komputer tidak diselenggara dengan lengkap serta salinan resit pembelian dan invois tidak disimpan di dalam fail peribadi pegawai.
- Penyata Penyesuaian Deposit tidak disediakan.

iv. Pengurusan Aset Kerajaan Dan Stor

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan mengadakan mesyuarat tidak mengikut tempoh yang ditetapkan; Unit Pengurusan Aset tidak menyediakan mengemukakan Laporan Tahunan Aset dan Stor.
- Pegawai Penerima tidak dilantik secara bertulis; pemeriksaan oleh pegawai yang bertauliah terhadap penerimaan barang-barang teknikal tidak dijalankan.
- KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-8, KEW.PA-9, KEW.PA-10, KEW.PA-11, KEW.PA-12 serta Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9) juga tidak diselenggara.
- Aset tidak ditandakan dengan Nombor Siri Pendaftaran dan tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia.
- Aset yang dibeli tidak digunakan.
- Pemeriksaan aset dan inventori; pengiraan dan pemeriksaan stok serta verifikasi stor tidak dilaksanakan. Pemverifikasi stor tidak dilantik dan verifikasi stor tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
- Harta modal yang memerlukan penyenggaraan tidak dikenal pasti dan program penyenggaraan tidak disediakan dan dilaksanakan.

v. Pengurusan Kenderaan


- Kenderaan Jabatan tidak mempamerkan nama/logo Jabatan/Agensi.
- Jabatan telah melantik Pegawai Kenderaan tetapi kenderaan diguna tanpa kelulusan Pegawai Kenderaan.
- Kunci tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan atau pegawai yang diberi kuasa semasa kenderaan tidak digunakan.
- Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; Analisa Penggunaan Bahan Api (CBPA) tidak disediakan.
- Buku Rekod Kad Inden Minyak tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

- Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit tidak diselenggara dengan lengkap.
- Kenderaan Jabatan tidak disenggara secara berjadual; penyenggaraan yang dilakukan tidak direkodkan di dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW. PA-14) dan di dalam Buku Log kenderaan.

4.7.2.2. Agensi Negeri

a. Analisis Audit terhadap tahap pematuhan pengurusan kewangan oleh 6 Agensi Negeri mendapati bagi Pengurusan Amanah Dan Deposit, 4 Agensi mencapai tahap cemerlang dan 2 Agensi pada tahap baik. Bagi Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman, 4 Agensi mencapai tahap cemerlang dan 1 Agensi pada tahap baik. Bagi Kawalan Bajet pula, 3 Agensi mencapai tahap cemerlang, 2 Agensi pada tahap baik dan 1 Agensi pada tahap memuaskan. Manakala bagi Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Aset Kerajaan Dan Stor terdapat 1 Agensi mendapat tahap kurang memuaskan. Selain itu, Agensi yang mendapat tahap tidak memuaskan pula melibatkan 2 kawalan iaitu serta Penyata Kewangan. Kedudukan tahap pematuhan bagi setiap kawalan di 6 Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 4.3**.

Carta 4.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama Bagi 6 Agensi Negeri Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu agensi tidak berkaitan bagi Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui berhubung dengan Kawalan Pengurusan Aset Kerajaan Dan Stor; dan Pengurusan Penyata Kewangan di Agensi Negeri adalah seperti berikut:

i. **Pengurusan Aset Kerajaan Dan Stor**

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan mengadakan mesyuarat tidak mengikut tempoh yang ditetapkan; Unit Pengurusan Aset tidak menyediakan dan mengemukakan Laporan Tahunan Aset dan Stor.
- Pegawai Penerima tidak dilantik secara bertulis; pemeriksaan oleh pegawai yang bertauliah terhadap penerimaan barang-barang teknikal tidak dijalankan.
- KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-8, KEW.PA-9, KEW.PA-10, KEW.PA-11, KEW.PA-12 serta Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9) juga tidak diselenggara.
- Pemeriksaan aset dan inventori; pengiraan dan pemeriksaan stok serta verifikasi stor tidak dilaksanakan. Pemverifikasi stor tidak dilantik dan verifikasi stor tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
- Harta modal yang memerlukan penyenggaraan tidak dikenal pasti dan program penyenggaraan tidak disediakan dan dilaksanakan.
- Agensi yang mempunyai lebih daripada 20 buah kenderaan tidak melantik Pegawai Kenderaan sepenuh masa dan sekurang-kurangnya mempunyai Sijil dalam bidang Kejuruteraan Automotif/Mekanikal.
- Jabatan telah melantik Pegawai Kenderaan tetapi kenderaan diguna tanpa kelulusan Pegawai Kenderaan.
- Fail Sejarah bagi setiap kenderaan tidak diselenggara.
- Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; Analisa Penggunaan Bahan Api (CBPA) tidak disediakan.
- Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan; Buku Rekod Kad Inden Minyak tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit tidak diselenggara dengan lengkap.
- Kenderaan Jabatan tidak disenggara secara berjadual; penyenggaraan yang dilakukan tidak direkodkan di dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW. PA-14) dan di dalam Buku Log kenderaan.
- Pelupusan yang dilakukan tidak memperolehi kelulusan daripada Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih; Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih

Kerajaan (KEW PA-18) dan Sijil Pelupusan Aset (KEW.PA-19) juga tidak disediakan selepas pelupusan dijalankan.


ii. Pengurusan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan yang diserahkan untuk diaudit tidak mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh peraturan.

4.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Pada tahun 2015, pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi 16 Jabatan/Agensi Negeri telah dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali dalam tempoh kitaran di antara tahun 2007 hingga 2015. Analisis Audit mendapati 9 Jabatan/Agensi telah berjaya meningkatkan skor pemarkahan Indeks Akauntabiliti manakala 7 Jabatan/Agensi menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Antara sebab Jabatan/Agensi tidak dapat meningkatkan prestasi pengurusan kewangan adalah disebabkan kelemahan dalam pengurusan aset seperti penerimaan, pendaftaran, penyenggaraan dan penggunaan aset termasuk penggunaan kenderaan. Lembaga Zakat Negeri Kedah, Majlis Perbandaran Sungai Petani dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah masih mengekalkan tahap prestasi pengurusan kewangannya pada tahap cemerlang manakala 2 Jabatan/Agensi Negeri berjaya meningkatkan prestasi daripada baik kepada cemerlang iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah dan Majlis Daerah Yan. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah masih mengekalkan tahap cemerlang walaupun berlakunya penurunan markah berbanding tahun sebelumnya. Perbandingan tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 16 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit sekurang-kurangnya 2 kali dalam kitaran tempoh tahun 2007 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 4.4**.

Carta 4.4
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan
Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015
Berbanding Pencapaian Tertinggi Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

4.8.1. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 12 Jabatan/Agensi.

4.8.2. Hasil daripada pemeriksaan Audit mengejut yang dijalankan, didapati Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Pokok Sena telah mematuhi sepenuhnya peraturan

kewangan yang disemak. Bagaimanapun 11 Jabatan/Agensi Negeri lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan kewangan. Ketua Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dibangkitkan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Penemuan Audit Mengejut Tahun 2015

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penemuan Audit
1	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Baling	i. Resit Rasmi Perbendaharaan Negeri Kedah tidak diterima untuk jumlah yang dibankkan [AP80(e)].
		ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan [AP309(a)].
2	Pejabat Agama Daerah Yan	i. Terdapat wang kutipan tidak dibankkan dengan segera setiap hari [AP78(a)].
		ii. Terdapat bil yang diterima tidak dicap "Tarikh Terima" bagi tujuan pemantauan bayaran.
		iii. Tiada bukti semakan pada Buku Vot/Buku Vot elektronik pada setiap bulan oleh penyelia [AP95 (e)].
3	Jabatan Pengairan Saliran Daerah Kota Setar/Pendang/ Yan	i. Terdapat wang kutipan tidak dibankkan dengan segera setiap hari [AP78(a)].
		ii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar (AP67).
		iii. Baki fizikal wang Panjar Wang Runcit tidak bersamaan dengan baki buku tunai Panjar Wang Runcit.
		iv. Terdapat baucar bayaran tidak direkodkan dalam buku tunai Panjar Wang Runcit dengan lengkap.
		v. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.
		vi. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan (AP125).
		vii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan [AP309(a)].
		viii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan [AP 309(b)].
		ix. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap [AP 99 (a)].
		x. Terdapat baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dibuk/cap "TELAH BAYAR".
		xi. Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian (AP 176).
		xii. Semua bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari [AP108(a)].
		xiii. Terdapat bil yang diterima tidak dicap "Tarikh Terima" bagi tujuan pemantauan bayaran.
4	Mahkamah Rendah Syariah Padang Terap	i. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit (AP66).
		ii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar (AP67).
		iii. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan (AP125).
5	Majlis Bandaraya Alor Setar (UTC)	i. Buku daftar kad kredit tidak diselenggara.
		ii. Daftar bayaran komisen tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penemuan Audit
		<ul style="list-style-type: none"> iii. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. iv. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan [AP309(a)].
6	Pejabat Daerah Kuala Muda	<ul style="list-style-type: none"> i. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperolehi. ii. Terdapat tuntutan rekupmen yang belum diterima. iii. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkod dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. iv. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan (AP125). v. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka (AP127). vi. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan [AP309(a)]. vii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan [AP 309(b)]. viii. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap [AP 99 (a)]. ix. Terdapat pembayaran tidak dibuat dengan betul dan tepat. x. Tiada bukti semakan pada Buku Vot/Buku Vot elektronik pada setiap bulan oleh penyelia [AP95 (e)].
7	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Muda	<ul style="list-style-type: none"> i. Surat kelulusan had apungan panjar wang runcit tidak diperolehi. ii. Terdapat tuntutan rekupmen yang belum diterima. iii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. iv. Terdapat terimaan dan pengeluaran yang tidak direkod dan disahkan oleh ketua pejabat. v. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan (AP125). vi. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan [AP 309(b)].
8	Pejabat Daerah Kecil Jerlun	Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan (AP69).
9	Pejabat Agama Daerah Bandar Baharu	<ul style="list-style-type: none"> i. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggara peti besi/bilik kebal tidak disediakan (AP125). ii. Terdapat baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dibuk/cap "TELAH BAYAR". iii. Terdapat bil yang diterima tidak dibayar dalam tempoh 14 hari [AP108(a)]. iv. Terdapat bil yang diterima tidak dicop tarikh terima bagi tujuan pemantauan bayaran. v. Tiada bukti semakan pada Buku Vot/Buku Vot elektronik pada setiap bulan oleh penyelia [AP95 (e)].
10	Pejabat Agama Daerah Baling	Peti besi tidak dicantumkan ke rangka (AP127).
11	Jabatan Zakat Negeri Kedah (UTC)	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan [AP309(a)]. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan [AP 309(b)].

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah baik, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

4.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan pembetulan adalah perlu untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala, tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

4.9.2. Bahagian Audit Dalam SUK dan Khidmat Perunding SPEKS (Unit Naziran) Perbendaharaan Negeri disyorkan menjalankan naziran/pengauditan di Jabatan/Pejabat untuk memastikan Jabatan/Pejabat mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

4.9.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

19 Mac 2016

